



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5239]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Keempat) —

Jadual —

Kepala B. 16 hingga Kepala B. 22 [Ruangan 5272]

Kepala B. 23 [Ruangan 5279]

Kepala B. 24 [Ruangan 5328]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Keempat) —

Kepala P. 16, P. 18, P. 19, P. 20 dan P. 22 [Ruangan 5272]

Kepala P. 23 [Ruangan 5279]

Kepala B. 24 [Ruangan 5328]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI
BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K.,
P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).

Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

„ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

„ TUAN AJAB BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).

„ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).

„ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

„ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

„ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

- Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK. O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.,
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu
Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 30hb November, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

TABUNG EKONOMI ISLAM

1. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa wang Tabung Ekonomi Islam sejak tahun 1972 hingga sekarang telah banyak terkumpul. Wang-wang yang tersebut di manakah disalurkan. Berapa banyak di tiap-tiap negeri telah dipungut dan berapa banyak jumlah kesemuanya yang terkumpul. Tidakkah Kementerian bercadang melanjutkan lagi pungutan tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi pihak Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat.

Saya sedar bahawa kutipan ini di bawah konsep Tabung Ekonomi Islam telah berjalan semenjak tahun 1972 dan kemudiannya secara rasmi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia telah ditubuhkan pada 13hb Oktober, 1976 yang mana kumpulan wang tersebut adalah diselenggarakan oleh Yayasan ini. Jumlah kutipan bersih yang dapat di kumpulkan setakat ini, yang diterima oleh

Yayasan ini berjumlah \$596,951.59 sen dan jumlah faedah daripada beberapa simpanan tetap yang diperolehi ialah sebanyak \$30,452.54 sen. Walau bagaimanapun, masih ada kutipan derma yang disimpan lagi pada setengah Majlis/Jabatan Hal Ehwal Ujama Islam di negeri-negeri.

Sehingga ini kebanyakan kumpulan wang tersebut adalah disimpan dalam Bank Bumi-putra sebagai simpanan tetap. Baru-baru ini Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia telah melabur dalam syarikat perladangan kelapa sawit seluas 10,000 ekar di Ulu Chukai, Trengganu secara usahasama dengan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (KETENGAH), Yayasan Islam Trengganu dan Yayasan Trengganu dengan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia sebanyak 30% penyertaan ekuiti. Sebagai sumbangan pertama sebanyak \$390,000 telahpun diserahkan kepada KETENGAH. Penyertaan ekuiti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam adalah berjumlah \$4.2 juta. Selain daripada itu perbelanjaan sebanyak \$3,460 telahpun dibuat bagi mencetak poster-poster untuk kempen kutipan derma yang sedang dilancarkan sempena Hari Raya Korban baru-baru ini. Oleh kerana kutipan derma ini adalah amanah umat Islam maka Yayasan ini adalah membuat kajian yang teliti sebelum melabur atau memasukkan pada mana-mana projek.

Mengikut laporan yang diterima jumlah kutipan mengikut negeri-negeri sehingga tahun 1976 adalah seperti berikut:

(i) Perlis	\$ 33,199.20
(ii) Pulau Pinang	\$ 52,036.05

(iii) Perak	\$ 68,111.17
(iv) Selangor	\$115,806.99
(v) N. Sembilan	\$ 32,826.00
(vi) Melaka	\$ 55,331.00
(vii) Johor	\$ 67,043.68
(viii) Pahang	\$ 26,807.50
(ix) Trengganu	\$ 77,844.80
(x) Kelantan	\$ 78,703.75
(xi) W. Persekutuan	\$ 15,736.28
(xii) Sabah	\$ 13,634.97
(xiii) Sarawak	\$ 14,710.65

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia memang akan terus mengadakan kempen pungutan derma sekurang-kurangnya sehingga ianya memperolehi sumbangan kewangan sendiri daripada pelaburan yang dibuat daripada kutipan-kutipan. Kutipan terpaksa diteruskan memandangkan kepada jumlah wang yang banyak bagi membiayai projek perladangan kelapa sawit tersebut di atas serta projek Hospital Islam yang sedang giat dirancangkan. Sambil itu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam akan mengeluarkan biasiswa pengajian tinggi dalam jurusan perubatan. Projek-projek lain sedang dikaji bagi projek-projek yang akan memberi faedah yang besar kepada umat Islam di negeri ini selaras dengan kumpulan wang yang ada pada Yayasan ini dari semasa ke semasa.

PEKERJA-PEKERJA KILANG

2. Wan Zainab binti M.A. Bakar minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar kedudukan gaji-gaji pekerja kilang pada masa ini sangatlah rendah dan ada setengah pekerja-pekerja kilang mendapat gaji tidak sampai pun \$80.00 pada sebulan. Jika ya, bolehkah pihak Kerajaan menimbang mengadakan satu syarat supaya semua gaji-gaji pekerja kilang diselaraskan dengan satu jumlah yang maksima dan berpatutan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa di kilang-kilang atau tempat-

tempat kerja yang kecil-kecil gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja adalah rendah. Mungkin ada beberapa sebab mengapa perkara ini berlaku. Setengah-setengah pekerja pada permulaan dibayar gaji yang rendah disebabkan mereka mempunyai kurang kemahiran, akan tetapi gaji mereka bertambah baik dari semasa ke semasa mengikut kemahiran dan penghasilan kerja mereka. Terdapat juga kilang yang tidak mampu membayar gaji yang tinggi kepada pekerja-pekerja mereka disebabkan oleh masalah ekonomi. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan ke kilang-kilang dan di mana terdapat gaji yang dibayar terlalu rendah, majikan yang berkenaan adalah dinasihatkan, digesa untuk membayar pada peringkat yang munasabah. Sukacita saya maklumkan bahawa langkah yang dijalankan ini telah mencapai kejayaan yang memuaskan.

Walau bagaimanapun, perlu juga difahami bahawa keutamaan kita ialah mengujudkan seberapa banyak pekerjaan dalam rancangan pembangunan kita dan yang demikian langkah-langkah untuk mengadakan satu undang-undang menghendaki majikan membayar gaji yang tinggi mungkin akan menjejaskan usaha kita untuk menarik banyak pelaburan asing ke negara ini. Tidak syak lagi dengan perkembangan ekonomi negara kita yang lebih pesat dan melalui amalan-amalan Perjanjian Bersama di antara majikan-majikan dan Kesatuan Sekerja. Kemajuan dan faedah dari segi gaji dan lain-lain faedah pekerjaan akan dapat dinikmati oleh pekerja-pekerja.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar keadaan ini berlaku sebab banyak di antara majikan atau tuan-punya kilang tidak mengiktiraf kesatuan-sekerja dan juga pekerja tidak ada peluang untuk menyuarakan masalah mereka kepada majikan. Oleh itu bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu apakah tindakan beliau

bercadang hendak ambil terhadap majikan-majikan yang tidak mengiktiraf kesatuan sekerja di kilang-kilang?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang yang ada sekarang telah ada peraturan yang tertentu untuk memaksa majikan-majikan mengiktiraf kesatuan sekerja.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Buruh ada menyatakan bahawa pegawai-pegawainya ada memeriksa dari semasa ke semasa menentukan supaya bayaran gaji oleh majikan tidak terlalu rendah. Soalan saya apakah ukuran gaji terlalu rendah dan apa pula ukuran gaji yang memuaskan?

Datuk Lee San Choon: Dari segi undang-undang tidak ada ukuran tetapi dari segi common sense, kami tahu misalnya bayaran \$2.50 terlampau rendah dan kalau bayar sekurang-kurangnya \$4-\$5 itu munasabah.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sangatlah jelas. Katanya, kalau bayar setakat \$2.50 terlalu rendah dan kalau \$4-\$5 munasabah. Dengan keadaan semacam ini samada sudah sampai masanya bagi Kerajaan menetapkan satu paras serendah-rendahnya ataupun minimum wage yang patut dibayar kepada sebarang pekerja. Yang kedua, samada kita bercermat dalam usaha menarik pelabur dari luar negeri tidak menegaskan masalah ataupun perkara yang negeri ini ialah satu tempat yang bagus untuk melabur modal kerana upahan ataupun gaji rendah. Saya harap ini tidak akan dipakai bila kita ke luar negeri untuk memancing ataupun menarik pelabur luar negeri. Ini dua perkara saya harap dapat beliau menerangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang pertama sebenarnya sudah timbul banyak kali di Dewan ini, tetapi saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, saya telah jawab dalam jawapan saya sebab-sebabnya. Soalan yang kedua, saya ingin menjelaskan iaitu walau kita suka atau tidak keadaan sebenarnya satu dari padanya insentif untuk pemodal-pemodal menanam modal dalam negeri ini ialah tangga gaji kalau dibandingkan dengan negara-negara barat adalah rendah. Ini satu insentif, satu faktor yang menggalakkan mereka menanam modal di sini, walau kita suka atau tidak. Ini facts, Tuan Yang di-Pertua.

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan majikan kilang tidak mampu, kalau mereka tidak mampu kenapa mereka buat kilang? Jadi, kalau sanggup mendirikan kilang, takkan bayar gaji tidak sampai \$3 sehari boleh cukup untuk seorang pekerja itu makan.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, masalah kita ialah masalah pengangguran. Dasar Kerajaan ialah untuk meluaskan dan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan. Sebab itu kita menggalakkan kilang-kilang yang berasaskan labour-intensive yang mengupah pekerja yang banyak.

Jadi gaji adalah menjadi satu faktor yang penting dalam menjalankan kilang-kilang seumpama kilang kain (textiles industry). Satu faktor yang penting sekali ialah gaji sampai sekian tingkat majikan mampu membayar tetapi lebih daripada itu mungkin tidak mampu membayar dan umpamanya di kilang kain pekerja 'memulai' dengan tidak ada kemahiran, produksinya kurang dan terpaksa majikan-majikan seperti itu memulai bayar gaji dengan boleh dikatakan comparatively berbeza dengan kilang lain rendah sedikit.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Yang Berhormat Menteri ada menyatakan tadi dalam soalan tambahan saya bahawa dari segi undang-undang memang tidak ada ukuran

tinggi atau rendah gaji tetapi katanya dari segi common sense adalah angka \$2.50 itu rendah. Andainya dari segi common sense juga ditentukan oleh Kementerian supaya majikan membayar \$3.50, tetapi tidak dipatuhi oleh majikan, apakah sikap Yang Berhormat Menteri?

Datuk Lee San Choon: Itu bergantunglah kepada tiap-tiap kilang, umpamanya, kilang itu ada mendapat untung yang banyak, pegawai Kementerian Buruh akan memujuk majikan bayar gaji lebih sedikit. Kalau suatu kilang memang telah rugi, bayar \$3.50 pun lebih rugi, masa itu pegawai Kementerian Buruh akan bersabar sedikit sehingga keadaan lebih baik sedikit barulah kita menggalakkan mereka memberi gaji yang lebih bagus.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri berkenaan ada menyatakan perbezaan antara satu kilang dengan satu kilang yang lain berkenaan gaji tadi, tetapi masih terdapat juga gaji di kilang-kilang perbezaan antara pekerja wanita Melayu dengan wanita Cina. Adakah Menteri yang berkenaan sedar?

Datuk Lee San Choon: Itu saya tidak sedar jika ada perkara itu berlaku sila lapurkan kepada saya dan saya akan siasat dengan sepenuhnya.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menerangkan jikalau ada kesatuan-kesatuan sekerja mengikut undang-undang majikan mestilah iktiraf. Saya ada satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, di Ipoh yang mana satu kesatuan sudah memohon pada kilang lebih kurang 12 bulan tetapi tidak diiktiraf. Selepas itu mereka lapur kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sehingga 6 bulan, mereka belum dapat sesuatu keputusan. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat siasat dan ambil tindakan atas majikan dan juga atas kakitangan Kement-

terian Buruh dan Tenaga Rakyat jikalau dia tidak ada ambil tindakan yang tegas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini sebelum kelulusan Akta atau sesudahnya?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kesatuan itu sudah dapat kelulusan tetapi tidak diiktiraf oleh majikan. Sekarang kesatuan itu sudah lapur kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sehingga 6 bulan masih tidak dapat keputusan. Saya ada....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah cukuplah.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu keadaan sebenarnya mengenai kesatuan tersebut. Selepas kita siasat kadang-kadang kesatuan tidak ada representative strength, atau wakil pekerja-pekerja dalam kilang itu. Tetapi saya boleh siasat dengan syarat Ahli Yang Berhormat itu memberi butir-butir sepenuhnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat beri butir-butir, kilang mana dan kesatuan mana.

Tuan Mohd. Sovie bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengatakan kalau didapati gaji itu terlalu rendah pihak Kementerian akan memujuk pihak majikan supaya menimbang semula. Ini sangat baik tetapi setakat ini sudahkah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada membuat ketetapan tentang paras-parasnya atau level gaji-gaji yang dianggap patut dan kalau dibuat di mana, bilakah telah diisytiharkan senarai gaji-gaji yang dianggap berpatutan. Kalau belum lagi dibuat bila agaknya Kementeriannya akan membuat satu senarai tentang gaji-gaji yang dianggap oleh Kementeriannya patut dibayar oleh majikan di berbagai-bagai perusahaan, sebab kalau bagi pihak Kementerian sendiri belum buat senarai ini apakah ukuran yang boleh dia kata patut atau tidak patut melainkan ikut nafsu-nafsi

seseorang pegawai atau nafsu-nafsi seseorang Menteri.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah jawab soalan itu apabila saya menjawab pada soalan tambahan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, berkenaan dengan taraf gaji yang patut, sebenarnya Kementerian saya selalu mengkaji perkara ini dari masa ke semasa. Kami tidak mengadakan pengumuman oleh sebab Kementerian dan Kerajaan memikirkan pada setakat ini lebih sesuai kita tidak adakan pengumuman dan undang-undang atas perkara ini.

PERBADANAN PERKAPALAN KEBANGSAAN MALAYSIA (MISC)

3. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu memandang bahawa untuk memajukan suatu perkhidmatan perkapalan kepada perdagangan yang cekap, sesebuah negara berkehendakkan kepada muatan yang menggalakkan dan suasana yang baik dari segi letaknya dan ekonomi negara itu dan Malaysia mempunyai kedua-duanya, samada langkah-langkah yang berkesan telahpun diambil untuk mengeksploitasi sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang terdapat di negara kita ini bagi menjadikannya sebuah negara kelautan (maritime nation) dan juga supaya terlepas rakyat Malaysia sebagai pengirim-pengirim daripada cengkaman perkapalan-perkapalan asing.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan pentingnya perkhidmatan perkapalan kepada negara dan oleh itu beberapa langkah telah diambil di antaranya ialah:—

- (a) memperbesar Perbadanan Perkapalan Kebangsaan Malaysia (MISC) dengan menambah bilangan kapalnya supaya ia akan dapat mengangkut lebih banyak lagi impot dan eksport

negara ini selaras dengan persetujuan yang telah dicapai di UNCTAD mengenai pembahagian cargo iaitu mengikut formula 40:40:20.

- (b) memperluaskan lagi latihan di bidang perkapalan dan laut untuk melatih kakitangan-kakitangan untuk mengendalikankan bilangan kapal-kapal yang kian bertambah.
- (c) pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada undang-undang laut Malaysia yang menghadkan pengangkutan cargo di antara pelabuhan-pelabuhan Malaysia kepada kapal-kapal kepunyaan Malaysia. Ini akan memberi peluang yang lebih kepada kapal-kapal kepunyaan Malaysia untuk mengangkut cargo-cargo di antara pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak yang pada masa ini kebanyakannya diangkut oleh kapal-kapal asing.

Usaha-usaha juga sedang dibuat untuk mendapatkan perkhidmatan perkapalan dari punca-punca lain supaya kita akan kurang bergantung kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat-syarikat yang menjadi ahli-ahli Perkumpulan Perkapalan Asing (Foreign Conference Lines). Ini juga akan dapat mengurangkan bayaran tambang kepada pengguna-pengguna kapal kita. Satu Pusat Penempahan Tambang (Freight Booking Centre) telah ditubuhkan di Lembaga Pelesenan Getah Malaysia untuk menempah ruang-ruang kapal daripada syarikat-syarikat perkapalan yang bukan ahli Conference. Di samping itu pengeksport-pengeksport kita juga digalakkan untuk mengadakan perjanjian jangka panjang bagi mengangkut barang-barang eksport kita dengan syarikat-syarikat perkapalan di luar Conference yang dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan dengan tambang yang rendah. Ini telah dibuat dengan jayanya oleh pengusaha-pengusaha kelapa sawit dan telah dapat mengurangkan tambang bagi mengangkut barang-barang tersebut ke luar negeri.

BEKALAN AIR

4. **Tuan Farn Seong Than** bertanya kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam bila Kementeriannya akan mengemukakan kajian pelan induk berdasarkan keadaan seluruh negeri untuk mencari segala punca air dan cara menyimpannya dengan tujuan menentukan bekalan air yang mencukupi bagi jenerasi yang akan datang.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, bekalan air ialah tanggungjawab negeri dan pada masa sekarang di kawasan di mana bekalan air sukar didapati iaitu di Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang ada kerjasama di antara negeri-negeri tersebut untuk menentu dan membangunkan punca-punca bekalan air untuk kegunaan umum.

Di peringkat nasional pula Kerajaan sedang mengkaji untuk mengadakan satu pelan induk tentang punca-punca bekalan air demi untuk membangunkan punca-punca tersebut dengan sepenuhnya supaya bekalan air di masa hadapan mencukupi. Pelan induk tersebut akan meliputi kajian tentang kehendak-kehendak bekalan air untuk kegunaan umum, untuk mengeluarkan tenaga dan juga untuk parit dan taliair.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan bahawa perancangan sahaja tidak boleh menjamin bekalan air mencukupi dengan 100% sebab negara kita bergantung kepada air hujan untuk kebanyakan bekalan airnya. Satu contoh yang masyhur ialah ampangan air di Ulu Kelang. Beberapa bulan yang lalu Selangor dan Wilayah Persekutuan menghadapi kekurangan air sehingga perkara ini di bawah ke Dewan yang mulia ini. Pada 15hb Ogos, 1977 tingkatan air di Ulu Kelang turun sehingga 263 kaki, sehingga "rock bottom". Ketika itu Negeri Selangor mengalami kemarau. Tetapi sekarang kekurangan telah berubah menjadi kelebihan. Pada hari ini

30hb November, 1977 air telah meningkat sehingga melebihi 298 kaki. Air telah naik sebanyak 35 kaki kerana hujan lebat pada bulan Oktober dan November. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat tingkatan maksima ampangan air di Ulu Kelang ialah 300 kaki. Dan kalau terus hujan lebat pada bulan Disember air mungkin akan melebihi hadnya.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini nampaknya apabila sebahagian negara kita hujan di sebahagian lagi kering, adakah pelan induk yang disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan mengkaji kemungkinan membawa air daripada kawasan yang hujan ke kawasan yang kering?

Dr. Goh Cheng Teik: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jawapannya, ya.

PAKAIAN SERAGAM ATENDAN/JURURAWAT

5. **Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa Atendan-atendan Hospital dan Jururawat-jururawat tidak dibekalkan dengan pakaian seragam selama dua tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, bekalan pakaian seragam kepada Atendan-atendan Hospital dan Jururawat-jururawat bagi tahun 1976 telah tergendala dan lewat dibekalkan disebabkan pertukaran jenis kain. Pada masa ini kain untuk pakaian seragam mereka telahpun diberikan.

BANTUAN LADA HITAM

6. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pertanian menyatakan samada

beliau sedar bahawa bantuan lada hitam tidak mencukupi untuk permintaan-permintaan di Negeri Sarawak tiap-tiap tahun dan jika sedar adakah Kerajaan bercadang menambahkan bantuan yang tersebut.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, sedar. Oleh itu, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan sebanyak \$28 juta telah disediakan berbanding dengan \$10.61 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua.

RAKYAT LUAR BANDAR DI SABAH BERHIJRAH KE BANDAR

7. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa ada tanda-tanda di Sabah di mana rakyat luar bandar berhijrah sedikit demi sedikit ke bandar-bandar besar kerana kekurangan kemudahan awam dan peluang pekerjaan;
- (ii) samada Kementerian sedang merancang satu usaha untuk membahagikan kawasan-kawasan luar bandar menjadi pusat-pusat perindustrian supaya dapat mengubahkan haluan rakyat pergi ke luar bandar dan mengadakan galakan untuk pembangunan; dan
- (iii) samada Kementerian dapat menekankan rancangannya terhadap memperbaiki keadaan jalan-jalan raya di kawasan luar bandar di Sabah supaya petani-petani tempatan boleh menghantar hasil-hasil pertanian mereka ke bandar tiap-tiap hari.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama, perlu saya nyatakan bahawa penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar-bandar adalah merupakan satu perkembangan umum bagi negeri-negeri di Malaysia dan juga di negara-negara sedang membangun.

Kerajaan amat menyedari perkara tersebut dan segala usaha sedang dijalankan untuk mengawal penghijrahan ke bandar-bandar di seluruh Malaysia dan memastikan:

- (a) kawasan luar bandar tidak kehilangan tenaga orang-orang muda untuk menajayakan pembangunan luar bandar; dan
- (b) penghijrahan itu tidak menyebabkan ujud kawasan-kawasan mundur (slums) atau meninggikan kadar kemiskinan di kawasan bandar.

Projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengurangkan penghijrahan ke bandar-bandar dengan menambahkan bekalan kemudahan-kemudahan asas, memodenkan sektor pertanian dan menggalakkan penggunaan tanah dengan sepenuhnya di luar bandar. Usaha-usaha ini telah dan sedang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan di peringkat negeri dan pusat.

Bagi soalan kedua, Kerajaan memang menyedari bahawa cadangan-cadangan untuk menubuhkan pusat-pusat perindustrian di kawasan-kawasan luar bandar di negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah, memerlukan kajian kemungkinan yang mendalam di samping mengambilkira faktor-faktor seperti kemudahan-kemudahan asas, sistem perhubungan, latihan kemahiran dan penawaran (supply) pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir. Kekurangan-kekurangan dalam perkara-perkara tersebut di kawasan luar bandar menyebabkan pihak pelabur kurang berkeyakinan untuk mendirikan industri-industri mereka di sana. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Negeri Sabah telahpun digolongkan sebagai kawasan "development area" dan galakan yang istimewa bagi pelabur-pelabur telahpun disediakan oleh Kerajaan.

Untuk soalan ketiga, projek pembangunan jalanraya sama jalanraya yang baru ataupun memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada,

merupakan projek yang paling utama di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi Negeri Sabah. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi tujuan tersebut ialah \$378.7 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu termasuk perbelanjaan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang mana sebahagian besarnya ialah untuk kawasan luar bandar. Di antara projek-projek ini, 3 projek jalanraya yang utama, iaitu dari Papar ke Sindumin, Semporna ke Lahat Datu dan dari Tamparuli ke Ranau, dengan perbelanjaan \$238 juta. Program-program "feeder road" yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menghubungkan jalanraya ke kampung-kampung juga diberi keutamaan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan sebentar tadi bahawa Kerajaan sedang berusaha untuk menghindarkan penghijrahan penduduk-penduduk daripada luar bandar ke bandar, adakah ini bermaksud bahawa penghijrahan terutama sekali pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi daripada luar bandar ke bandar suatu perkara yang tidak baik?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bahawa ini satu perkara yang tidak baik. Apa yang saya sebutkan ialah kita memodenkan sektor luar bandar juga supaya pemuda-pemuda itu boleh dapat peluang pekerjaan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju ataupun sedar bahawa satu cara untuk menyusun semula masyarakat ialah untuk menggalakkan belia-belie terutama belia-belie bumiputra daripada desa digalakkan untuk pergi ke bandar-bandar supaya masyarakat-masyarakat di bandar dapat mencerminkan negara Malaysia yang sebenarnya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa satu daripada

tujuan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah supaya pemuda-pemuda dari luar bandar khususnya bumiputra dapat peluang-peluang bekerja dalam kilang-kilang dan sektor moden dalam kawasan bandar juga tetapi ini tidak bermakna semua pemuda-pemuda patut digalakkan berhijrah ke bandar.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN KUALA SELANGOR

8. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa keadaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kuala Selangor di Permatang sangat merbahaya kepada murid-murid dan orang ramai, sebagaimana yang diumumkan oleh Jabatan Kerjaraya, disebabkan asasnya (foundationnya) telah tenggelam dan dindingnya retak menanti roboh. Jika sedar mengapa sehingga hari ini tidak ada tindakan yang diambil untuk memperbaiki keadaan bangunan Sekolah tersebut untuk mengelakkan kanak-kanak daripada belajar di bawah-bawah pokok dan dengan keadaan yang serba kekurangan serta merbahaya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Saya sedar mengenai keadaan sekolah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang mengusahakan mendapatkan peruntukan bagi menggantikan bangunan sekolah ini.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah perkara yang dikemukakan dalam soal No. 8 ini telah saya sampaikan dengan gambar dan sebagainya tujuh bulan yang lampau. Siapa-ah akan bertanggungjawab jika ada kemalangan atau trejidi berlaku di sekolah itu. Kalau sekolah itu roboh terkena budak-budak yang sedang belajar dan mereka di dalam keadaan merbahaya dan bangunan itu telah dikondem oleh JKR sendiri. Yang Berhormat

Timbalan Menteri mengatakan bahawa peruntukan sedang hendak dibuat bagi mendirikan bangunan itu. Tidakkah Kementerianya mempunyai peruntukan khas untuk menemui perkara-perkara emergency seperti yang saya sebutkan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu menunjukkan tidak ada, beliau sedang berusaha untuk mendapatkannya.

Datuk Chan Siang Sun: Sebenarnya bila Ahli Yang Berhormat itu menyampaikan gambar dan juga satu surat yang panjang kepada saya, saya telahpun mengambil tindakan dengan segera. Jadi, perkara ini mendesak dan melalui usaha saya dapatlah mengambil satu projek yang lain menggantikan projek ini. Jadi, ini satu action yang cepat. Perkara ini pada masa sekarang kita telahpun merancang dan peruntukan itu memang sudah ada cuma menunggu melaksanakan projek itu sahaja. Kita berharaplah jangan ada kemalangan di sekolah itu (*Ketawa*), kita berdoaah projek ini dapat dilaksanakan.

Tuan S. Samy Vellu: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekolah mana pula yang roboh lagi?

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa keadaan yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, bangunan seperti itu bukan di Kuala Lumpur sahaja tetapi di seluruh negeri dan juga di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Oleh itu, bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu satu jawapan adakah di dalam Kementerian beliau satu bahagian untuk menyiasat atas tiap-tiap bangunan sekolah dan keadaan yang ada sekarang. Jikalau ada, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu apakah sebab bahagian itu tidak ambil tindakan memperbaiki keadaan-keadaan sekolah dari masa ke semasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini khusus untuk satu sekolah, tidak umum.

KAYU LAPIS

9. Tuan Racha Umong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada kilang papan berlapis boleh didirikan di Limbang atau Lawas untuk membekalkan kayu lapis dengan lebih murah lagi kepada orang-orang tempatan, dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah dimaklumkan oleh pihak Kementerian Perhutanan Negeri Sarawak bahawa Limbang mempunyai bahan kayu-kayan yang mencukupi bagi menampung keperluan sebuah kilang papan lapis. Sehingga ini, sebuah syarikat diketahui telahpun merancang untuk mendirikan sebuah kilang viniar dalam tahun 1979 dan nampaknya tidak mempunyai kesulitan untuk mengeluarkan papan lapis jika didapati sesuai.

Memandangkan bahawa permintaan tempatan bagi bahan-bahan papan lapis adalah terhad, penubuhan kilang papan lapis itu memanglah memerlukan kebanyakan daripada hasilnya diekspotkan. Walau bagaimanapun, apabila kilang papan lapis ditubuhkan pengguna-pengguna tempatan boleh memperolehi bahan-bahan ini dengan harga yang berpatutan.

PEMULIHAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN

10. Tuan Shamsuddin bin Din (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah usaha-usaha koordinasi dan pemulihan mencapai hasil kemajuan pembangunan yang baik khususnya di luar bandar memuaskan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha ini Kerajaan telah

mengadakan berbagai-bagai jawatankuasa di peringkat negeri, daerah dan kampung seperti Jawatankuasa Tindakan Negeri, Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung. Di samping ini, Jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat daerah ada juga menjalankan projek-projek secara pendekatan berpadu di mana semua jabatan bekerjasama untuk menjayakan satu projek. Pendekatan cara ini telah membawa kemajuan dan kejayaan kepada beberapa projek. Pada keseluruhannya, usaha-usaha ini telah membawa kemajuan yang memuaskan kepada kerja-kerja pembangunan, khususnya di kawasan luar bandar.

BACAAN AL-QURAN

11. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian tersebut bercadang untuk mengadakan bacaan Al-Quran selain dari malam Jumaat iaitu selepas siaran ramalan cuaca.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, ya, memang ada. Buat masa ini segala-galanya sedang diselenggarakan. Insya Allah rancangan ini akan dapat dimulakan untuk talivisyen pada tiap-tiap hari, mulai Awal Muharram tahun Hijrah 1398.

SURAT-SURAT TAHANAN-TAHANAN POLITIK

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa surat-surat yang dihantarkan kepada tahanan tahanan politik selalu mengambil masa lebih satu bulan untuk sampai kepada yang berkenaan. Jika ya, mengapa.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidaklah jelas kerana sebenarnya tidak ada sebarang orang tahanan politik di negara kita ini. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat itu maksudkan surat-surat untuk orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada biasanya semua surat-surat yang dihantar diserahkan kepada orang-orang tahanan itu sebaik-baik sahaja ianya direkodkan oleh pihak yang berkuasa tahanan. Biasanya surat-surat itu mengambil masa 3 atau 4 hari sahaja. Namun demikian, taligrem yang dihantar diserahkan dengan serta merta.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan ini dikemukakan oleh kerana perkara ini telah dialami bukan sahaja oleh orang-orang yang ditahan baikpun di Kamunting atau di Batu Gajah di mana surat-surat yang dihantar atau dikirim oleh seorang tahanan selalu terpaksa mengambil masa 2 minggu, 3 minggu dan kadangkala lebih daripada 1 bulan sebelum surat itu diterima atau dihantar kepada orang yang mereka tulis surat. Saya terperanjat Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu. Saya harap beliau boleh menyiasat oleh kerana saya sendiri boleh kata di sini bahawa apabila saya di dalam tahanan, surat-surat yang saya tulis atau dihantar kepada saya selalu mengambil masa 3 minggu ataupun sehingga lebih daripada 1 bulan sebelum diterima.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu mungkin dulu, tetapi sekarang tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang pun ada. Saya ada menerima komplen daripada Yang Berhormat Saudara Chian Heng Kai yang sekarang dalam tahanan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada juga kalau kandungan surat-surat itu cerewet kita lambat sedikit hingga selesai siasat dulu.

JALANRAYA KLUANG — PALOH

13. Tuan Mak Hon Kam (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah rancangan untuk membina Jalanraya Kluang— Paloh akan dilaksanakan.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan Jalanraya Kluang ke Paloh adalah jalan negeri dan pembinaannya adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Pada masa ini Kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan untuk membina jalan tersebut. Rekabentuknya telahpun disiapkan dan setakat ini kerja-kerja pengambilan balik tanah sedang dilaksanakan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan samada rancangan membina sebatang jalan dari Kluang ke Paloh terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan pembinaan jalan itu akan disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi untuk menjawab soalan asal, jalan ini ialah jalan negeri dan terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan apa-apa yang saya sebutkan tadi ialah bagi pihak Kerajaan Negeri sahaja. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah.

MEWARGANEGARAKAN KANAK-KANAK LAHIR DI LUAR MALAYSIA

14. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mempercepatkan proses mewarganegarkan kanak-kanak yang lahir di luar negara Malaysia yang ibubapa mereka adalah warganegara Malaysia.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak yang lahir di luar

Malaysia yang ada tuntutan dan layak menjadi warganegara Malaysia dengan kuatkuasa Undang-undang tidak menghadapi sebarang masalah kelambatan memprosesnya iaitu kanak-kanak yang didaftarkan di Pejabat (Consul) Kedutaan kita dalam masa setahun selepas tarikh lahir, tetapi bagi kanak-kanak yang tidak ada tuntutan seperti itu sungguhpun ibubapa mereka warganegara Malaysia, adalah dikehendaki membuat permohonan mengikut peruntukan tertentu dalam Perlembagaan. Pemohon-pemohon seperti ini adalah diproses mengikut peraturan seperti biasa.

Kelewatan yang kerap kali berlaku adalah disebabkan oleh pemohon-pemohon itu sendiri di mana permohonan-permohonan mereka tidak lengkap dengan keterangan-keterangan dan bukti-bukti yang konkrit serta memuaskan. Dalam masaalah ini sebagaimana yang selalu dilakukan pihak Kementerian selalu menasihatkan pemohon-pemohon agar membuat permohonan yang benar-benar sempurna dengan keterangan-keterangan yang jelas dan bukti-bukti yang konkrit serta mengingatkan pemohon-pemohon supaya memberitahu jika pertukaran-pertukaran alamat berlaku dalam masa proses berjalannya.

MURID-MURID SEKOLAH

15. Tuan Mak Hon Kam (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan angka-angka kemasukan bagi tahun 1977 bagi sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah rendah, sekolah-sekolah menengah tinggi, dan tingkatan Enam.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, kerana jawapan ini panjang sedikit, dan ada banyak angka-angka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau panjang sangat, saya boleh arahkan mengikut Standing Orders dijawab dengan cara bertulis.

(Jawapan bertulis kepada soalan No. 15 adalah seperti di bawah ini).

Datuk Chan Siang Sun:

(i) angka-angka kemasukan (admission) bagi tahun 1977 bagi sekolah-sekolah Kerajaan di Semenanjung Malaysia adalah seperti yang berikut:

(a) Darjah 1 (Standard 1) (pada 31.1.77)	—	275,562
(b) Tingkatan Peralihan (Form Remove) (pada 31.1.77)	—	69,268
(c) Tingkatan I (Form I) (pada 31.1.77)	—	202,297
(d) Tingkatan IV (Form IV) (pada 31.1.77)	—	104,039
(e) Tingkatan VI Bawah (pada 30.6.77)	—	13,384

(ii) Selain dari itu, sekiranya Ahli Yang Berhormat maksudkan "kemasukan" sebagai "enrolment", enrolment bagi tahun 1977 bagi sekolah-sekolah Kerajaan di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

(a) *Peringkat Rendah (pada 31.1.77)*

(a) Bahasa Pengantar Malaysia	—	1,036,685
(b) Bahasa Pengantar Cina	—	493,809
(c) Bahasa Pengantar Tamil	—	78,841
		1,609,335

(b) *Peringkat Menengah Rendah (pada 31.1.77)*

(a) Bahasa Pengantar Malaysia	—	538,156
(b) Bahasa Pengantar Inggeris	—	94,597
	JUMLAH	632,753

(c) *Peringkat Menengah Atas (pada 31.1.77)*

(a) Bahasa Pengantar Malaysia	—	97,269
(b) Bahasa Pengantar Inggeris	—	100,013
	JUMLAH	197,282

(d) *Tingkatan Enam (pada 30.6.77)*

(a) Bahasa Pengantar Malaysia	—	9,218
-------------------------------	---	-------

(b) Bahasa Pengantar Inggeris	—	13,810
	JUMLAH	23,028

2. Bilangan murid-murid pada tahun 1977 mengikut peringkat dalam Sekolah-sekolah Kerajaan dan Bantuan di Negeri Sarawak pula adalah seperti berikut:

Peringkat

Rendah	192,689
Menengah Rendah	58,368
Menengah Atas	10,569
Tingkatan Enam	1,723

Bilangan murid-murid pada tahun 1977 mengikut peringkat dalam Sekolah-sekolah Bukan Bantuan adalah seperti berikut:

Peringkat

Rendah	335
Menengah Rendah	3,074
Menengah Atas	4,418
Tingkatan Enam	768

3. Angka-angka kemasukan bagi tahun 1977 bagi sekolah-sekolah di Sabah adalah seperti berikut:

(a) Peringkat	—	128,261
(b) Peringkat Menengah Rendah	—	47,344
(c) Peringkat Menengah Atas	—	8,452
(d) Tingkatan Enam	—	542
	JUMLAH	184,599

ROMBONGAN DAGANG MALAYSIA

16. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil pertemuan di antara Rombongan Dagang Malaysia dengan Menteri Perdagangan Thailand di Pattaya, Thailand baru-baru ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sejauh yang

saya tahu tidak ada Rombongan Dagang Malaysia mengadakan pertemuan dengan Menteri Perdagangan Thailand di Pattaya baru-baru ini, walau bagaimanapun memang ada Perwakilan Malaysia yang pergi ke Pattaya baru-baru ini untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang kelima untuk membincangkan hal-hal bagi menambahkan lagi kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN.

CHUAH BOON KHUAY — MEMILIKI DADAH

17. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) mengapa Chuah Boon Khuay, 22, didakwa di Mahkamah Sesyen tanpa pengetahuan Pendakwa Raya kerana memiliki sebuah beg plastik dan 45 "public straws" yang mengandungi 7.47 gramme heroin pada 3hb. Januari di belakang sebuah rumah di Sungei Besi, Kuala Lumpur, dan beliau mengaku salah dan dihukum penjara selama 4½ tahun serta disebat lapan kali dengan rotan;
- (b) bila, di mana dan siapakah yang membenarkan Chuah Boon Khuay disebat dengan rotan; dan
- (c) samada Pendakwa Raya sedar penyebatan lapan kali dengan rotan telahpun dijalankan apabila kes Chuah Boon Khuay diulang-kaji di hadapan Hakim Harun Hashim pada 14.9.1977 yang telah memerintah supaya pembicaraan semula diadakan dan nyatakan sebab-sebab mengapa permohonan dibuat supaya kes itu diulang-kaji sedangkan hukuman penyebatan telahpun dijalankan.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kes ini, Chuah Boon Khuay, berumur 21 tahun telah ditangkap pada 3.1.1977, di Kuala Lumpur dan telah didapati memiliki dadah. Dia telah ditahan di

bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah dan dipertuduh di Mahkamah pada 7.1.1977 atas suatu kesalahan di bawah Seksyen 12 (3) Ordinan Dadah Berbahaya, 1952. Kemudian-nya, Chuah Boon Khuay telah dibebaskan dengan jaminan Mahkamah untuk hadir sekali lagi di Mahkamah pada 6.4.1977 bagi pihak pendakwa memberi fakta-fakta kes itu dan bagi Mahkamah menjatuhkan hukuman.

Kemudian pada 3.2.1977 Laporan Ahli Kimia telah diterima dan laporan itu menunjukkan bahawa berat heroin yang dimilikinya ialah 7.47 gm. Oleh itu kesalahan itu termasuklah di bawah Seksyen 39A Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 yang mana adalah suatu kesalahan yang lebih berat dan boleh dikenakan hukum penjara selama tidak kurang daripada 14 tahun dan tidak kurang daripada 3 tahun dan boleh disebat tidak kurang dari 6 kali.

Oleh itu, pada 6.4.77 apabila Chuah Boon Khuay hadir dalam Mahkamah Sesyen untuk menjawab pertuduhan asal di bawah Seksyen 12 (3) pertuduhan itu telah dipinda (amended) menjadi pertuduhan di bawah Seksyen 39A Ordinan Dadah Berbahaya, 1952. Chuah Boon Khuay telah mengaku salah atas tuduhan itu dan oleh itu telah dijatuhkan hukum penjara selama 4½ tahun dan juga dihukum sebat yang dikenakan ke atasnya sebanyak 8 kali, iaitu 2 kali lebih daripada hukuman minimum 6 kali. Seluruh pembicaraan sehingga peringkat ini, termasuklah pendakwaan dalam Mahkamah Sesyen itu telah dijalankan oleh seorang Pegawai Kanan Polis, sebagaimana lazimnya dalam Mahkamah-mahkamah Rendah kita iaitu pendakwanya ialah Pegawai Kanan Polis.

Di bawah Seksyen 287 Kanun Acara Jenayah pula di mana seseorang yang dituduh dihukum penjara selama tempoh lebih daripada 14 hari, apa-apa hukuman sebat yang mungkin telah dikenakan ke atasnya hendaklah dijalankan dengan seberapa segera yang praktikal selepas tamat tempoh tujuh hari dari tarikh hukuman itu. Jika, dalam

tempoh itu, rayuan dibuat oleh orang yang kena hukum tadi maka hukuman sebat itu adalah dikehendaki dijalankan pula dengan seberapa segera selepas perintah mahkamah rayuan mengesahkan hukuman itu diterima.

Dalam kes ini tempoh rayuan itu tamat pada 21.4.77 dan yang dituduh tidak membuat apa-apa rayuan sama ada pada atau sebelum tarikh itu atau pada bila-bila masa selepas tarikh tersebut pun tidak ada buat rayuan apa-apa. Oleh yang demikian, selepas tamat tempoh rayuan itu, hukuman sebat itu telah dijalankan dengan sewajarnya ke atas yang dituduh oleh pihak berkuasa penjara di Kuala Lumpur pada 10.6.77 iaitu 2 bulan lebih kurang selepas dijatuh hukum.

Permohonan kepada Mahkamah Tinggi supaya keputusan itu disemak telah dibuat oleh Pendakwa Raya semata-mata atas sebab-sebab teknikal berhubung dengan bidangkuasa sesuatu Mahkamah Sesyen dalam hal seperti itu, kerana Pendakwa Raya berpendapat bahawa Mahkamah Sesyen tidak mempunyai bidangkuasa (no jurisdiction) untuk menguruskan kes itu tanpa permohonan daripada Pendakwa Raya dan juga persetujuan yang dituduh terhadap permohonan itu iaitu mesti mendapat persetujuan dituduh walaupun Seksyen 41 Ordinan Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan bahawa Mahkamah Sesyen boleh mengenakan hukuman atau penalti penuh yang diperuntukkan di bawah Ordinan itu. Dalam hal ini, Mahkamah Tinggi bersetuju dengan pendapat Pendakwa Raya dan memerintahkan suatu pembicaraan semula, yang mana hendaklah dijalankan di hadapan suatu Mahkamah yang mempunyai cukup bidangkuasa yang wajar. Sesuatu permohonan supaya sesuatu keputusan disemak tidak berkuatkuasa sebagai menggantungkan pelaksanaan hukuman sebat sebagaimana sesuatu rayuan akan berkuatkuasa.

Memandang kepada semua yang telah saya sebutkan di atas, adalah jelas bahawa pihak berkuasa penjara yang telah menjalankan

hukuman penjara dan sebat yang dikenakan ke atas yang dituduh itu telah menjalankannya menurut tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang wajar dan didapati sah di sisi undang-undang.

BUKU-BUKU TEKS

18. Tuan Sibot Miyut anak Tagong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa bekalan buku-buku teks di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sarawak adalah mencukupi.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, soalan ini telahpun dijawab sebahagiannya dahulu di Dewan ini bagi menjelaskan pertanyaan mengenai bekalan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia untuk sekolah-sekolah rendah di Sarawak. Bagi buku-buku teks lain, Kementerian Pelajaran sedang bekerja rapat dengan Jabatan Pelajaran Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbitan-penerbitan, agensi-agensi dan penjual-penjual buku untuk memastikan bahawa bekalan buku-buku teks adalah mencukupi untuk kegunaan murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sarawak pada tahun 1978.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:—

- (1) Kerja perancangan dan penyediaan bagi memesan buku-buku teks di bawah Sekim Pinjaman Buku Teks 1978 adalah dijalankan dengan lebih awal lagi oleh Jabatan Pelajaran Sarawak iaitu pada bulan Februari 1977.
- (2) Penerbit-penerbit adalah diberitahu dengan awalnya tentang keperluan buku-buku teks bagi judul-judul yang akan digunakan pada tahun 1978, supaya mereka mencetakkan buku yang mencukupi. Penjual-penjual buku tempatan adalah juga diberitahu tentang keperluan ini.

- (3) Pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pentadbiran dan pelaksanaan Sekim Pinjaman Buku Teks di Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-bahagian di Sarawak adalah ditambah untuk melicinkan lagi kerja-kerja Sekim ini.
- (4) Pegawai-pegawai dari Biro Buku Teks, Kementerian saya telahpun dihantar ke Sarawak untuk mengetahui keadaan sebenarnya di situ dan mereka akan cuba mengatasi masalah-masalah Sekim ini, di mana yang perlu.

JABATAN PERUMAHAN NEGARA

19. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Jabatan Perumahan Nasional sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1120 Rancangan Malaysia Ketiga telah dibentukkan supaya memperkuatkan kemampuan Kementerian itu agar menjalankan tugas-tugas penyalaras dan penyeliaan bagi tiap-tiap negeri. Jika ya, setakat mana jauh ianya berjaya dalam menjalankan tugas-tugas itu. Jika tidak, dapatkah Menteri memberitahu sebab-sebab kelewatannya dalam membentukkan jabatan itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perumahan Negara telah dibentuk dan telahpun menjalankan tugas-tugasnya dari sejak pertengahan tahun 1976.

Tugas utama Jabatan Perumahan Negara bukan sahaja untuk menyalaras dan memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha mereka menjalankan projek-projek perumahan awam untuk golongan berpendapatan rendah, malahan Jabatan ini juga memberi bantuan teknikal yang lain kepada Negeri-negeri yang memerlukan-nya. Umpamanya, pada masa ini Jabatan Perumahan Negara sedang mengelolakan

pembinaan rumah-rumah kos-rendah di Negeri-negeri Kelantan, Johor, Perak dan Kedah. Bantuan yang diberi merupakan penyediaan segala yang perlu dari mula hingga akhir supaya rumah-rumah disiapkan, iaitu penyediaan pelan-pelan rumah, menyiapkan dokumen-dokumen tawaran dan seterusnya penyeliaan pembinaan rumah-rumah itu.

Setakat ini rumah-rumah kos rendah yang sudah siap dan yang sedang diselenggarakan sepenuhnya oleh Jabatan Perumahan Negara adalah seperti berikut:—

	Johor (yunit)	Kedah (yunit)	Kelantan (yunit)	Perak (yunit)	Jumlah
(i) Sudah siap	107	180	-	-	287 yunit
(ii) Sedang dibina	1,221	360	144	-	1,725 yunit
(iii) Tawaran pembinaan sudah dipanggil	1,632	-	51	426	2,109 yunit
(iv) Di bawah penyiataan	-	204	524	152	880 yunit
Jumlah:	2,960	744	719	578	5,001 yunit

Negeri-negeri seperti Trengganu dan Perlis juga telah menyatakan hasrat mereka mendapat pertolongan dari Jabatan ini.

Setakat ini Jabatan Perumahan Negara telahpun menjalankan tugasnya dengan baik dan lancar seperti yang terbukti dari angka-angka yang telah saya sebutkan itu. Jabatan itu dianggotai oleh pegawai-pegawai ikhtisas yang agak mencukupi buat masa sekarang. Jika perlu anggota Jabatan ini boleh ditambah lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, daripada senarai negeri-negeri yang dibaca oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan nampaknya tidak termasuk negeri-negeri seperti Selangor ataupun kawasan di Wilayah Persekutuan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi jaminan bahawa negeri-negeri yang tidak dinyatakan tadi akan termasuk juga di dalam senarai yang mana Perumas (Perumahan Nasional) akan membina rumah-rumah murah.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan ada dilaksanakan oleh SEDC atau PKEN dan begitu juga Jabatan Kerjaraya dan juga agensi-agensi yang diadakannya sendiri. Walau macam manapun, Jabatan Perumahan Negara sedia menghulurkan tangan kalau sekiranya dikehendaki oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan untuk melancarkan projek perumahan itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Memang benar di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan ada agensi-agensi pembinaan perumahan. Saya terhutang budi sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dapat memberi pengakuan untuk membantu lagi pembinaan rumah-rumah murah di dalam Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini tadi ada berhubung dengan perenggan 1120 Buku Rancangan Malaysia Ketiga. Sila Yang Berhormat!

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jaminan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT

20. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan iaitu berhubung dengan lawatan beliau ke Amerika Syarikat selama dua belas hari baru-baru ini, bolehkah beliau memberi pandangan selanjutnya apakah tujuannya dan hasil lawatan tersebut bagi kepentingan Malaysia dan Asia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab bagi pihak Perdana Menteri dan menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri sendiri telahpun memberi butir-butir mengenai lawatan rasmi beliau ke Amerika Syarikat

itu sewaktu menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 7hb November, 1977 yang lalu, tiadalah apa-apa lagi yang hendak ditambah kepada jawapan yang tersebut.

CUKAI ATAS COLOUR PHOTO PRINTS

21. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Kewangan menyatakan sejak dikenakan cukai baru ke atas "colour photo prints" pada 8.9.1977, berapakah amaun cukai yang dipungut bagi bulan September dan Oktober untuk mengimpot "colour photo prints" dari Singapura ke Semenanjung Malaysia dan samada tindakan yang diambil oleh Kementerianya untuk mencegah sindiket Singapura dari memasuki pasaran Malaysia berkesan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, sejak dikenakan cukai-cukai baru ke atas colour photo prints pada 8hb September, 1977, jumlah duti kastam yang telah dipungut di atas pengimpotan colour photo prints dari Singapura ke Semenanjung Malaysia ialah lebih kurang sebanyak \$1,200 bagi bulan September, dan \$1,500 bagi bulan Oktober. Kebanyakan daripada duti-duti yang dipungut adalah daripada mereka yang berulang-alik melalui tempat pemeriksaan penumpang-penumpang di Tambak Johor dan di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum cukai-cukai yang dikenakan ke atas pengimpotan colour photo prints itu bertujuan untuk memberi galakan kepada firma-firma tempatan yang menjalankan perniagaan memproses colour photo prints. Secara tidak langsung langkah ini telah menolong mencegah sindiket dari Singapura memasuki pasaran Malaysia. Buat menjamin supaya galakan ini adalah berkesan, pemeriksaan yang ketat dibuat oleh Jabatan Kastam ke atas impot-impot colour photo prints.

Sebagai langkah untuk mencegah pelarian duti kastam pengimpotan colour photo prints itu selain daripada yang dibawa sendiri oleh orang-orang perseorangan untuk kegunaan sendiri adalah diwajibkan diikrar di dalam borang impot yang tertentu bagi bayaran duti-duti.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (29hb November, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam, Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan baru sahaja memulakan jawapannya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam perbincangan mengenai Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya. Oleh sebab itu, saya sekarang jemput Yang Berhormat Menteri untuk meneruskan ucapannya.

Kepala B. 16 hingga Kepala B. 22 (Jadual) — Kepala P. 16, P. 18, P. 19, P. 20 dan P. 22, (Anggaran Pembangunan, 1978) —

3.36 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Pengerusi, bagi menyambung jawapan yang saya mulakan sedikit pada hari semalam mengenai sungutan-sungutan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai masalah kesulitan-kesulitan yang dialami oleh Penguasa-penguasa Tempatan mengenai kewangan untuk membiayai keperluan-keperluannya memperbaiki mutu perkhidmatan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan.

Saya suka menyatakan lagi sekali di sini iaitu saya sendiri sangat bersimpati atas sungutan-sungutan dan rayuan-rayuan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Saya patut nyatakan di sini lagi iaitu sejak tiga tahun yang lalu Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji masalah kesulitan kewangan yang dialami oleh Penguasa-penguasa Tempatan ini dan sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Chong Hon Nyan yang pada ketika itu menjadi Timbalan Menteri Kewangan. Jawatankuasa ini telahpun menyiapkan laporannya dan disampaikan kepada saya, saya juga telah mengangkatkan laporan ini kepada Jumaah Menteri dan laporan ini pada masa ini adalah di dalam timbangan dan kajian Jumaah Menteri dan saya berharap laporan ini akan dapat diluluskan di dalam bulan Disember yang akan datang ini. Saya juga mencadangkan supaya laporan ini apabila dapat diluluskan dapat dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang akan diadakan pada hujung bulan Disember yang akan datang ini. Saya berharap dengan lulusnya laporan itu maka

sedikit-sebanyak akan dapat menolong kesulitan-kesulitan yang dialami oleh setengah-setengah Penguasa Tempatan itu.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan dari Permatang Pauh telah menyentuh soal-soal yang bersangkutan dengan penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan terutamanya Penguasa Tempatan di Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Mengenai soal penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan Pulau Pinang untuk mewujudkan hanya dua buah Majlis Perbandaran di Pulau Pinang adalah dimaklumkan bahawa soal menyusun semula ini dibuat oleh Kerajaan Negeri memandangkan bahawa sebahagian besar daripada kawasan-kawasan yang terlibat ada mempunyai ciri-ciri perbandaran dan untuk lebih memesatkan lagi Kerajaan sedang memperbandarkan kawasan-kawasan yang mempunyai potensi-potensi tertentu menjadi pusat-pusat bandar maka dua buah Penguasa Tempatan sahaja diwujudkan dengan harapan bahawa dua buah Penguasa Tempatan ini dapat mengelolakan keupayaan dan tenaganya untuk menentukan adanya pembahagian sama rata hasil-hasil yang diperolehi dan menyalurkan menerusi projek-projek pembangunan. Dan di samping itu menentukan bahawa kawasan-kawasan yang tidak pernah mendapat kemudahan-kemudahan asas perbandaran mendapat kemudahan-kemudahan itu secara adil, menggunakan peruntukan yang diperolehi daripada cukai-cukai yang dipungut dalam kawasan bandar untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan selagi proses untuk memperluaskan kawasan-kawasan bandar ini terpaksa diteruskan. Namun begitu, ini tidaklah bermakna kawasan-kawasan luar bandar yang terlibat akan terus bergantung kepada kawasan-kawasan bandar. Cukai-cukai juga akan dipungut bagi kawasan-kawasan di luar bandar yang telah mendapat kemudahan-kemudahan asas per-

bandaran dan pembangunan-pembangunan yang dirancangan.

Saya sedar bahawa banyak kawasan-kawasan luar bandar yang dimasukkan di dalam Majlis Perbandaran ini belum lagi mendapat kemudahan-kemudahan asas perbandaran sama seperti yang diperolehi di kawasan-kawasan bandar. Perkara ini tidak dapat dielakkan buat sementara waktu kerana kedua-kedua Penguasa Tempatan itu terpaksa merancang dan memperkemas organisasinya dan proses ini memakan masa. Tetapi saya percaya kedua-dua Majlis Perbandaran yang ada ini akan mempunyai kemampuan baik dari segi kakitangan mahupun kewangan untuk mengendalikan segala urusannya sebagai Penguasa Tempatan.

Sungguhpun demikian saya tidak mahu menyangkal dakwaan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ada kemungkinan kawasan-kawasan yang dikuasai oleh kedua-dua Penguasa Tempatan ini terlampau besar menyebabkan ianya melingkungi juga kawasan yang benar-benar berupa luar bandar.

Saya juga tidak menyangkal dakwaan bahawa ada kemungkinan juga masa ini kedua-dua Penguasa Tempatan ini tidak mampu untuk memberi segala kemudahan dan perkhidmatan yang sempurna sebagaimana yang diharap atau pernah dijanjikan. Sungguhpun demikian, Kerajaan Pusat sedang mengkaji pada masa ini cara-cara untuk memberi bantuan kewangan sebagaimana saya nyatakan tadi kepada Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh tanah air termasuk juga seluruh Pulau Pinang dan Seberang Prai dan bantuan ini dijangka akan dapat diberikan pada awal tahun hadapan. Tetapi oleh kerana terdapatnya sungutan-sungutan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan juga Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh mengenai masalah dua Majlis Perbandaran ini maka Kementerian saya akan menghubungi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dan jika perlu akan menolong untuk mengadakan pengubahsuaian untuk menentukan kejayaan ataupun kegagalan kedua-dua Penguasa Tempatan ini untuk memikul tugas-tugas dan tanggungjawabnya. Sekiranya perlu kelak penyusunan semula akan dibuat sekali lagi jika dipersetujui oleh Kerajaan Negeri yang tersebut. Oleh kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu saya baru sahaja memegang jawatan ini sebagai Menteri di dalam Kementerian ini maka proses yang telah berlaku di dalam penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan di Pulau Pinang itu telah berlaku sebelum saya memegang jawatan di Kementerian ini. Sungguhpun demikian saya tidak ingin menyatakan bahawa tindakan yang telah diambil itu adalah tidak betul kerana penyusunan semula ini memang digalakkan oleh Kementerian ini dan juga adalah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan kita tetapi setelah dibuat kajian kelak dan jika didapati bahawa penyusunan semula ini telah lebih membawa keburukan daripada kebaikannya maka soal ini akan dikaji semula oleh Kementerian saya daripada semasa ke semasa dengan kerjasama pihak negeri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, satu teguran telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai Lapuran Kebakaran Campbell Complex. Suka saya menyatakan di sini bahawa pihak Jemaah Menteri telah menimbang dan mengambil perhatian terhadap Lapuran Jawatankuasa Pencegah Kebakaran dan salinan lapuran-lapuran itu telah diedarkan. Lapuran itu telahpun disahkan, dibentangkan dalam Jemaah Menteri dan telahpun diluluskan dan sekarang ini lapuran ini sedang diedarkan kepada agensi-agensi yang bersangkutan untuk kajian mereka dan apabila agensi-agensi ini siap mengkajinya mereka dikehendaki membuat lapuran kepada Kementerian saya dan pada ketika itulah Kementerian ini akan mengambil keputusan samada lapuran ini akan diumumkan semuanya atau tidak diumumkan ataupun akan diumumkan sebahagian daripadanya untuk kepentingan orang ramai.

Tuan Pengerusi, mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mengenai pelan induk, suka saya menyatakan di sini bahawa pihak Dewan Bandaraya memanglah sedar tentang ketiadaan satu pelan induk yang komprehensif bagi Wilayah Persekutuan buat pada masa ini dan adalah memang dirasai bahawa pelan induk yang telah dibuat dahulu telah didapati tidak sesuai dengan keperluan-keperluan dan kemajuan yang pesat di dalam Wilayah Persekutuan pada masa ini. Maka buat masa ini Dewan Bandaraya adalah sedang giat menyiapkan pelan induk yang baru dan telah menubuhkan satu pasukan petugas terdiri daripada pegawai-pegawai ikhtisas untuk mengadakan pelan induk yang komprehensif dan adalah diharapkan kerja-kerja penyeliaan pelan tersebut akan dapat dijalankan pada awal tahun 1978 yang akan datang.

Tuan Pengerusi, mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mengenai teksi-teksi yang tidak dibenarkan mengambil penumpang di jalan-jalan atau lorong-lorong yang dihaskan untuk bas di Bandaraya, saya suka menjawab di sini iaitu satu sistem laluan ataupun lorong-lorong khas untuk bas yang diadakan baru-baru ini adalah untuk mewujudkan perjalanan lalulintas yang lebih licin dan lebih teratur. Namun demikian tidaklah bererti ini akan menjejaskan peluang bagi pemandu-pemandu teksi sebagaimana yang didakwa itu untuk mengambil penumpang kerana terdapat tempat-tempat khas yang disediakan dengan banyaknya di beberapa bahagian dalam lorong-lorong khas untuk bas lalu dan pemandu-pemandu teksi juga dibenarkan mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang di situ. Suka saya sebutkan di sini bahawa sistem yang diamalkan sekarang ini ialah satu percubaan (experiment) sahaja dan sekiranya ianya didapati tidak memuaskan maka satu sistem yang lain akan dapat dicubakan lagi di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Pengerusi, satu teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengenai Pasukan Pertahanan Awam, suka saya

tegaskan di sini bahawa tujuan-tujuan dan fungsi-fungsi Pasukan Pertahanan Awam yang terletak di bawah Kementerian ini adalah berlainan dengan tugas-tugas Pasukan Relu dan Local Defence Corps yang ditadbirkan oleh Kementerian Pertahanan. Pasukan Pertahanan Awam yang dijaga oleh Kementerian ini adalah untuk menolong tugas-tugas untuk mengurangkan kerosakan kepada harta-benda dan juga kemalangan jiwa disebabkan oleh tindakan musuh atau bencana-bencana ataupun malapetaka seperti banjir, kebakaran dan sebagainya. Adapun mengenai Pasukan Bulan Sabit dan juga St. John dan lain-lain lagi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya bukanlah terletak di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan aktiviti-aktiviti mereka adalah dijalankan oleh pertubuhan mereka sendiri.

Satu teguran telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain mengenai apa yang dikatakan kelemahan Jabatan Cetak Kerajaan yang menyebabkan Laporan-laporan Parlimen ini diterbitkan lewat. Suka saya menyatakan di sini bahawa perkara untuk mencetak Laporan-laporan Parlimen ini sebenarnya bukanlah tanggungjawab Jabatan ini sahaja bahkan ini adalah juga menjadi tanggungjawab pihak agensi yang berkenaan, iaitu Jabatan Parlimen itu sendiri bagi menyediakannya dengan segera. Suka saya nyatakan di sini bahawa ada kalanya Jabatan Cetak ini telah menerima deraf-deraf laporan-laporan itu beberapa bulan sesudah tiap-tiap satu persidangan itu berjalan atau dilangsungkan dan juga apabila peruf-peruf itu dipulangkan semula untuk disemak kadang-kadang telah berlaku juga kelewatan. Walau bagaimanapun, Jabatan Cetak tidak mempunyai bahagian khas untuk mencetak segala laporan Parlimen dan oleh kerana itu inilah yang selalu menjadi kesulitan. Untuk mengatasi perkara-perkara yang seperti ini pada fikiran saya agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan patutlah mempunyai bahagian percetakan mereka sendiri oleh kerana adalah

mustahil bagi sebuah Jabatan Cetak Kerajaan yang ada ini akan dapat menampung semua bahan-bahan yang hendak dicetak dari semua agensi-agensi Kerajaan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai satu teguran yang telah dikemukakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor rasanya, iaitu mengenai Projek Saluran Najis di Pantai. Suka saya nyatakan di sini bahawa Dewan Bandaraya sedang mengkaji projek saluran najis di Kampung Pantai ini dengan mendalam dan dengan serius. Saya boleh memberi jaminan di sini bahawa penduduk-penduduk yang terlibat ini adalah satu projek yang telah dirancangan sejak lama dahulu dan ini bukanlah satu projek yang baru tetapi lama dahulu dan hal ini telah dirundingkan beberapa kali oleh pihak Dewan Bandaraya dengan penduduk-penduduk yang tersebut di situ.

Walaupun bagaimanapun, saya boleh memberi jaminan di sini bahawa penduduk-penduduk yang terlibat tidak akan mengalami kerugian jika sekiranya mereka perlu dipindahkan kelak dan ini dapat-dilakukan dengan pemberian ganti rugi yang berpatutan terhadap mereka dan pihak Dewan Bandaraya sentiasa menjalankan rundingan yang mendalam bersama-sama dengan penduduk-penduduk di situ.

Tuan Pengerusi, satu perkara telah dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, saya rasa, mengenai kedudukan Kampung Melayu iaitu Kampung Cendana yang mana dikatakan bahawa penduduk kampung di situ ingin berjumpa saya beberapa kali tetapi belum dapat menemui. Saya boleh berjanji di sini bahawa saya akan menyambut kedatangan wakil-wakil penduduk kampung itu pada bila-bila masa akan datang ini dan saya boleh tegaskan di sini bahawa saya sendiri bercadang akan melawat sendiri ke Kampung Cendana yang tersebut.

Tuan Pengerusi, ada banyak lagi teguran-teguran dan juga syor-syor yang membina

yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berjanji di sini bahawa semua syor-syor dan teguran-teguran yang membina yang dihadapkan kepada Kementerian ini dan juga Dewan Bandaraya akan diambil perhatian seberat-beratnya dan akan dikaji dari semasa ke semasa.

Saya minta maaf sekiranya ada teguran-teguran yang tidak saya berikan apa-apa jawapan di sini dan saya mohon supaya peruntukan bagi Kementerian saya ini diluluskan sekarang.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,720,600 untuk Kepala B. 16, \$1,870,000 untuk Kepala B. 17, \$16,565,300 untuk Kepala B. 18, \$1,738,500 untuk Kepala B. 19, \$16,915,400 untuk Kepala B. 20, \$1,314,400 untuk Kepala B. 21 dan \$2,039,700 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$81,706,000 untuk Kepala P. 16, \$11,579,000 untuk Kepala P. 18, \$2,000,010 untuk Kepala P. 19, \$2,077,020 untuk Kepala P. 20 dan \$500,020 untuk Kepala P. 22 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Kepala B. 23 (Jadual) —

Kepala P. 23 (Anggaran Pembangunan, 1978)

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama iaitu peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$21,257,100 di bawah maksud bekalan B. 23 dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1978, dan peruntukan Belanja Pembangunan di bawah maksud Pembangunan P. 23 sebanyak \$66,100,535 diluluskan.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi matlamat penting Kementerian saya untuk berusaha

meninggikan pendapatan negara daripada punca eksport bahan-bahan utama dan melaksanakan dasar pengeluaran yang sesuai lagi teratur bagi memperbaiki keupayaan pengeluaran serta meningkatkan lagi mutu dan mempelbagaikan kegunaan bahan-bahan utama. Satu-satunya usaha ke arah pencapaian matlamat ini ialah rancangan setok Penimbal Antarabangsa dan lain-lain bentuk aturan pasaran yang bertujuan untuk mendapatkan harga bahan-bahan utama yang stabil, menguntungkan dan adil. Di samping ini, usaha-usaha akan terus dijalankan bagi memperluaskan pasaran bahan-bahan utama tradisi dan mencari pasaran-pasaran baru seperti di negara-negara yang sedang membangun. Kementerian saya adalah terlibat sama dalam membantu usaha-usaha Kerajaan untuk menambah dan memperbaiki hubungan perdagangan dengan negara-negara anggota ASEAN lainnya. Rundingan-rundingan seterusnya akan diadakan dengan Negara-negara ASEAN bagi mendapatkan kerjasama serta faedah-faedah perdagangan yang lebih baik dengan pihak Persatuan Ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Australia. Selain daripada itu usaha-usaha bagi memperbaiki dan meninggikan lagi taraf hidup pekebun-pekebun kecil dan orang-orang lain yang terlibat dalam pengeluaran bahan-bahan utama akan diteruskan.

Tuan Pengerusi, walaupun kedudukan bahan-bahan utama ketika ini pada amnya adalah memuaskan, Kementerian saya akan meneruskan segala usaha bagi mengawal dan memperbaiki kedudukan bahan-bahan utama baik di pasaran dunia maupun di pasaran tempatan. Satu contoh yang baik ialah kejayaan dalam mendapatkan jaminan daripada Amerika Syarikat, satu-satunya negara pengimpot minyak kelapa sawit kita yang terbesar supaya tidak mengenakan sekatan impot ke atas kelapa sawit dari negara kita. Langkah-langkah lain juga sedang diambil untuk memperbaiki pemasaran kelapa sawit. Bagi tujuan ini Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (POLA) yang baharu saja ditubuhkan akan mengadakan rancangan dan

peraturan yang tertentu bagi mengawal dan memajukan kegiatan-kegiatan dengan pemrosesan, pengangkutan, simpanan dan pasaran minyak kelapa sawit serta menjamin mutu yang baik. Usaha-usaha bagi menubuhkan satu institusi penyelidikan kelapa sawit yang berasingan juga sedang dijalankan dengan tujuan untuk mengadakan kemudahan asas penyelidikan pada masa depan yang kukuh dan berkesan seperti yang ada di dalam perusahaan getah.

Kementerian saya juga akan terus memainkan peranan yang utama dan berkesan di Majlis Timah Antarabangsa bagi menjamin kepentingan-kepentingan negara-negara ahli pengeluar terutama sekali dalam menetapkan jarak harga yang bersesuaian dengan kos pengeluaran dan keadaan yang tidak seimbang di antara pengeluaran dan permintaan. Usaha-usaha Kementerian ini dalam menggalakkan negara-negara ahli pengguna untuk membuat sumbangan sukarela kepada Majlis Timah Antarabangsa telah mendatangkan hasil dan adalah diharapkan mendapat sambutan daripada negara-negara yang masih belum membuat pendirian.

Kementerian saya akan terus berusaha untuk mencapai pemodenan sektor pekebun kecil dengan meninggikan pendapatan pekebun-pekebun kecil melalui rancangan tanah semula, tanam kontan serta memperbaiki amalan-amalan pertanian bersama dengan meninggikan mutu getah yang dikeluarkan dan amalan pasaran yang lebih berkesan.

Sebagaimana yang dilakukan di masa-masa yang sudah, satu rombongan perdagangan getah sedang melawat negara Jepun dan Korea Selatan pada masa ini dengan tujuan mengkaji jalan bagi meluaskan eksport getah ke negara-negara tersebut. Pada awal tahun 1978, satu lagi rombongan perdagangan getah akan melawat negara-negara Scandinavia dan beberapa negara di Eropah Barat bagi tujuan yang sama.

Langkah-langkah yang sewajarnya juga sedang diambil bagi menstabilkan harga getah asli untuk jangka masa panjang. Perjanjian

Penstabilan Harga Getah Antarabangsa yang telah ditandatangani pada 30hb November, 1976 di Jakarta oleh lima negara-negara Persekutuan Pengeluar-pengeluar Getah Asli (ANRPC) akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi. Mengikut Perjanjian ini, mesyuarat pertama Majlis Getah Asli Antarabangsa akan diadakan dalam bulan Januari 1978 untuk mengambil ketetapan mengenai perjalanan sekim setok penimbal getah dan sekim merasionalkan pembekalan serta bagi mengujudkan sekretariat bagi Majlis tersebut.

Kementerian juga terlibat secara aktif dalam usaha dan kerjasama antarabangsa untuk membawa perubahan kepada ekonomi barangan dunia bagi mengimbangkan perkembangan ekonomi antara negara-negara maju dan negara-negara membangun serta menyelesaikan masalah barangan utama melalui satu pendekatan berpadu (integrated approach). Sebagai sebuah negara pengeluar dan pengeksport, Malaysia memandang berat kepada masalah-masalah yang berkaitan dengan perkembangan dan perdagangan bahan-bahan utamanya. Satu-satunya langkah yang diambil ke arah ini ialah dengan melibatkan diri dalam Rancangan Paduan Untuk Barangan (Integrated Programme for Commodities) di bawah naungan UNCTAD terutama sekali mengenai Tabung Bersama (Common Fund). Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam perbincangan mengenai Tabung Bersama ini dan juga dalam mesyuarat-mesyuarat persediaan bawah naungan UNCTAD bagi menjaga kepentingan bahan-bahan utamanya. Pendekatan Malaysia dan lain-lain negara membangun adalah sama, iaitu mencari jalan bagi mengatasi masalah untuk memperbaiki pendapatan yang tidak stabil dari barangan utama. Dengan ini, Malaysia sedang berusaha dengan negara-negara pengeluar yang lain untuk mencipta perjanjian antarabangsa penstabilan harga getah yang lebih luas untuk merangkumi juga negara-negara pengguna getah asli dan peraturan-peraturan antarabangsa untuk mempertahankan pendapatan-pendapatan bahan-bahan utama yang lain di

dalam rangka Rancangan Integrasi Bahan-bahan di bawah UNCTAD.

Dalam bidang perkapalan dan kadar tambang, Kementerian saya memandang berat tentang kenaikan kadar tambang yang kerap kali berlaku oleh pihak perkumpulan perkapalan yang memberi perkhidmatan perdagangan kepada negara ini. Ini akan menjejaskan kedudukan untuk bersaing dalam pasaran dunia. Kementerian saya akan terus berusaha untuk mencari perkhidmatan yang ekonomik dan memuaskan. Pada masa ini dua bahan eksport negara ini iaitu getah dan kelapa sawit diangkut melalui satu perjanjian istimewa dengan pemilik-pemilik kapal.

Lain-lain usaha Kementerian saya bagi memperbaiki dan mengukuhkan kedudukan barang-barang utama termasuklah mengadakan forum-foram dan seminar dari masa ke semasa bagi meninjau dengan lebih dalam lagi permasalahan di sekitar perusahaan barang-barang utama. Satu seminar kebangsaan mengenai Perindustrian Timah telah diadakan dalam bulan Ogos 1977. Beberapa keputusan telah dibuat dan kesan-kesannya akan dapat dirasai dengan pelbagai pembaikan dan perubahan dalam tahun 1978. Satu usaha yang gigih, juga sedang diatur dan dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran keluaran bahan-bahan utama seperti getah, kelapa sawit dan timah.

Memandangkan bahawa bahan-bahan seperti tembakau, lada hitam dan koko mempunyai potensi yang cemerlang di masa hadapan, Kerajaan akan berusaha memberi segala galakan untuk meninggikan pengeluaran dan mutu pengeluaran serta kualiti bahan-bahan tersebut. Lembaga Tembakau Negara sedang mengambil langkah untuk menentukan kawasan baru yang sesuai bagi penanaman serta memperluaskan kerja-kerja khidmat nasihat dan penyelidikan untuk menambahkan pengeluaran dan kualiti tembakau. Oleh kerana permintaan lada hitam dunia dijangka

akan terus bertambah, Kerajaan melalui Lembaga Pemasaran Lada Hitam sedang berusaha mengadakan kemudahan-kemudahan untuk menyimpan, memproses dan menggred dengan meninggikan mutu pengeluaran dan memperbaiki pemasaran. Mengenai koko, tanamannya sebagai tanaman tunggal atau tanaman selingan terus meningkat dengan kadar yang cepat. Seumpamanya pada tahun lepas, tanaman koko telah diperluaskan sebanyak 20% kepada 33,700 hektar. Ini menunjukkan kepentingan tanaman ini dalam program pelbagaian pertanian negara kita.

Sekarang sukalah saya memberi sedikit sebanyak ulasan mengenai perkembangan 4 bahan utama yang penting dalam tahun 1977 apabila dibandingkan dengan kedudukannya dalam tahun yang lepas, dan juga untuk memberi panduan ke atas prospeknya bagi tahun 1978.

(1) **Getah**

Pengeluaran getah bagi tujuh bulan pertama tahun 1977 adalah sebanyak 877,316 tan metrik berbanding dengan pengeluaran sebanyak 907,008 tan metrik pada jangka tempoh yang sama pada tahun 1976. Antara sebab-sebab yang membawa kepada kekurangan pengeluaran ini ialah kemarau yang agak panjang tatkala itu. Walau bagaimanapun, pengeluaran getah dijangka akan meningkat semula pada akhir tahun ini dan bagi tahun depan. Walaupun pengeluaran getah merosot tetapi eksport getah dari Malaysia bagi tahun ini sehingga bulan Julai terus meningkat naik kepada 962,743 tan metrik berbanding dengan sebanyak 898,255 tan metrik pada jangka tempoh yang sama pada tahun 1976.

Harga getah bagi tahun ini adalah baik dengan ujudnya satu kedudukan ekonomi yang sihat di negara-negara pengguna. Harga getah purata bagi 7 bulan pertama tahun ini adalah 200.42 sen sekilo melebihi harga purata pada jangka waktu yang sama tahun lalu iaitu 196.80 sen sekilo. Kedudukan harga

getah dalam 1978 adalah dijangka baik dan dianggarkan dalam lingkungan 200 sen atau lebih sekilo.

(2) Timah

Jumlah pengeluaran timah bagi 6 bulan pertama tahun 1977 ialah 29,844 tan metrik. Ini adalah satu kejatuhan sebanyak 6.3% jika dibandingkan dengan pengeluaran dalam tempoh yang sama bagi tahun 1976. Pengeluaran purata bulanan bagi tempoh yang sama juga mengalami kejatuhan, daripada 5,307 tan metrik dalam tahun 1976 kepada 4,974 tan metrik dalam tahun ini. Kemerosotan pengeluaran adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Antara lain ialah kadar penutupan lombong adalah lebih cepat daripada kadar ianya dibuka. Peningkatan kos pengeluaran juga adalah perkara penting yang mempengaruhi keadaan perusahaan ini. Kementerian saya akan terus berusaha mencari jalan bagi mengatasi masalah ini.

Harga timah dalam masa 9 bulan pertama tahun ini bagaimanapun berada di paras tinggi yang tidak dijangka. Harga yang paling tinggi dicapai ialah \$1,895 sepikul yang merupakan kelebihan sebanyak \$395 daripada harga bumbung yang ditetapkan oleh Majlis Timah Antarabangsa. Keadaan harga yang meninggi ini dijangka hanya berkekalan dalam jangka masa yang sederhana sahaja.

(3) Minyak Kelapa Sawit

Pengeluaran minyak kelapa sawit dalam tahun 1977 adalah dianggarkan melebihi 1.6 juta tan metrik. Pengeluaran dari bulan Januari hingga Jun 1977 telah mencapai angka 743,000 tan metrik dan merupakan pertambahan sebanyak 108,000 tan metrik atau 17.2% jika dibandingkan dengan pengeluaran dalam tempoh waktu yang sama untuk tahun 1976 iaitu sebanyak 634,200 tan metrik. Satu perkembangan dalam eksport minyak kelapa sawit untuk setengah tahun pertama tahun 1977 ialah bertambahnya dalam bahagian minyak kelapa sawit yang diproses. Eksport bahan ini bagi tempoh tersebut telah bertambah sebanyak 54.6% daripada 214,800 tan

metrik dalam tahun kepada 301,080 tan metrik dalam tahun 1977.

Eksport minyak kelapa sawit juga bagi setengah tahun pertama tahun 1977 telah meningkat ke angka 661,600 tan metrik, atau pertambahan sebanyak 4.8% jika dibandingkan dengan eksport setengah tahun pertama tahun 1976, iaitu sebanyak 631,000 tan metrik.

Harga minyak kelapa sawit CIF yang diperdagangkan pula, untuk setengah tahun pertama 1977 ialah sebanyak \$1,402 tiap-tiap satu tan metrik, berbanding dengan \$905 pada jangka waktu yang sama pada tahun 1976. Pertambahan sebanyak 54.9% ini adalah disebabkan terutamanya oleh adanya ramalan yang kurang baik serta bertambahnya permintaan dari negara India. Tetapi, harga bagi setengah tahun kedua 1977 telah mula menurun dengan adanya bekalan-bekalan minyak-minyak sayuran yang lain yang lebih baik.

(4) Balak dan Papan Gergaji

Pengeluaran balak dan papan gergaji setelah mencapai satu paras yang tinggi pada tahun 1976 dijangka akan menurun pada tahun 1977. Pengeluaran balak bagi enam bulan pertama tahun 1977 adalah dianggarkan sebanyak 11.7 juta cubik meter. Ini merupakan satu penurunan sebanyak 8.2% jika dibandingkan dengan pengeluaran dalam jangka masa yang sama pada tahun 1976. Pengeluaran bagi papan gergaji juga dijangka akan turun daripada 5.4 juta cubik meter pada tahun 1976 kepada 4.5 juta cubik meter dalam tahun 1977. Kejatuhan sebanyak 17% ini adalah disebabkan secara langsung oleh permintaan yang berkurangan daripada negara-negara pengguna, khususnya Persatuan Ekonomi Eropah dan Australia.

Eksport kayu balak daripada Semenanjung Malaysia masih di bawah kawalan ketat. Dijangka quota eksport yang dikenakan tidak ada akan melebihi 5% daripada paras pengeluaran. Dengan demikian eksport bagi kayu

balak dianggarkan dalam lingkungan 200 hingga 300 ribu cubik tan dalam satu tahun. Bagaimanapun dalam enam bulan pertama tahun 1977 eksport kayu balak pada keseluruhannya telah meningkat kepada 5 juta cubik meter serta melebihi 4% daripada eksport bagi tempoh yang sama pada tahun 1976. Arah aliran ini dijangka tidak akan berterusan sehingga akhir tahun 1977. Eksport bagi papan gergaji dianggarkan akan jatuh kepada 2.56 juta cubik meter pada tahun 1977 berbanding dengan 2.9 juta cubik meter dalam tahun 1976.

Tuan Pengerusi, bagi mencapai matlamat-matlamat yang saya sebutkan tadi, Kementerian saya memerlukan belanja mengurus sebanyak \$21,257,100 di bawah maksud bekalan B. 23. Anggaran ini bolehlah dipecahkan mengikut aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Penyelidikan dan Perancangan sebanyak \$1,368,911;
- (b) Kemajuan Perusahaan Barangan Utama sebanyak \$4,266,395;
- (c) Perhutanan sebanyak \$6,363,060;
- (d) Galian sebanyak \$3,322,494;
- (e) Penyiasatan Kajibumi sebanyak \$5,936,240.

Jumlah Belanja Mengurus bagi tahun 1978 adalah melebihi peruntukan tahun 1977 sebanyak \$3,520,000 ataupun 19.85%. Daripada jumlah ini sebanyak 61.2% ataupun \$13,008,175 adalah diperuntukkan bagi pembayaran emolument pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini, sementara 23.8% iaitu sebanyak \$5,062,260 akan dibelanjakan untuk perkhidmatan dan bekalan. Yang baki-nya sebanyak \$3,186,665 atau 15% adalah perbelanjaan bagi pemilikan modal serta sumbangan kepada badan-badan antarabangsa.

Belanja Pembangunan

Tuan Pengerusi, anggaran Pembangunan yang diperlukan oleh Kementerian saya pada

tahun 1978 ialah sebanyak \$66,100,535. Jumlah ini adalah dikehendaki bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti berikut:

Rancangan Tanaman Semula Getah Kerajaan

Dalam usaha menambahkan daya pengeluaran serta sumber-sumber pendapatan sektor pekebun kecil, sebanyak \$27,000,000 adalah diperlukan oleh RISDA bagi melaksanakan programnya dalam tahun 1978. Seluas 75,000 ekar tanah dijangka akan terlibat dalam rancangan tanam semula, manakala tanaman baru secara berkelompok akan meliputi kawasan seluas 15,000 ekar. Peruntukan ini adalah pemberian bantuan tanam semula pihak Kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil dengan kadar sebanyak \$300 satu ekar dan dijangka akan melibatkan seramai 25,000 pekebun-pekebun kecil. Baki kepada bantuan ini sebanyak \$600 seekor adalah dibiayai daripada kutipan cess RISDA. Seperti yang saya nyatakan dalam jawapan-jawapan yang saya berikan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini Kementerian saya sedar atas kenaikan kos tanaman semula dan perkara ini di dalam pertimbangan Kerajaan.

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC)

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad atau MARDEC memerlukan peruntukan sebanyak \$21,877,000 dalam tahun 1978 bagi melaksanakan projek-projeknya. Daripada jumlah ini sebanyak \$19,536,000 adalah dikehendaki secara langsung bagi mendirikan kilang baru SMR, memperbaiki dan mengubahsuaikan beberapa kilang-kilang yang ada sekarang dan untuk rancangan latihan kakitangan MARDEC. Sebanyak \$2,341,000 lagi adalah diperlukan sebagai pinjaman untuk modal pusingan sejajar dengan perkembangan aktiviti-aktiviti MARDEC. Program-program ini apabila dilaksanakan akan memberi pekerjaan kepada 1,300 orang serta membantu seramai

28,000 pekebun-pekebun kecil dalam pemerosan getah mereka.

Rancangan Penanaman Semula Nenas

Projek yang dilaksanakan oleh Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu yang menerima bantuan penuh Kerajaan Persekutuan ialah Rancangan Penanaman Semula Nenas. Semenjak Rancangan Tanam Semula Nenas dimulakan pada tahun 1972, lebih kurang 11,000 ekar akan jadi ditanam semula menjelang akhir tahun ini. Adalah dijangka seluas 3,200 ekar kebun-kebun kecil nenas akan dapat ditanam semula di bawah rancangan ini dalam tahun 1978. Bagi membiayai projek ini satu peruntukan sebanyak \$2,565,515 adalah diperlukan oleh Yunit Lembaga yang berkenaan. Daripada jumlah ini sebanyak \$2,023,700 akan diuntukkan bagi maksud pembangunan, sementara bakinya sebanyak \$541,815 adalah untuk maksud pengurusan.

Lembaga Tembakau Negara

Untuk meninggikan pendapatan penanam-penanam tembakau, Lembaga Tembakau Negara akan menumpukan usaha-usahnya untuk meninggikan produktiviti dan mutu pengeluaran tembakau. Sebanyak 20 juta paun tembakau dijangka dikeluarkan pada tahun 1978 berbanding dengan 15.6 juta paun pada tahun 1977. Sejumlah \$2,982,500 adalah diperlukan oleh Lembaga Tembakau Negara bagi melaksanakan projek-projek pada tahun 1978. Bagi maksud pembangunan sebanyak \$1,277,500 akan diuntukkan, sementara bakinya sebanyak \$1,705,000 adalah bagi maksud belanja mengurus. Antara lain, projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Lembaga tersebut ialah mendirikan bangunan Ibupejabat di Kota Bharu, Kelantan dan beberapa buah pejabat-pejabat cawangan Negeri di Semenanjung Malaysia.

Peruntukan yang diminta oleh Kementerian saya tidak termasuk perbelanjaan yang dikehendaki untuk penyelidikan yang diadakan berasingan kepada MARDI. Dengan ini Kerajaan telahpun bersetuju untuk menubuhkan

sebuah yunit khas di MARDI bagi menjalankan kegiatan-kegiatan penyelidikan tembakau dengan segeranya.

Penanaman Semula Getah Sarawak dan Sabah

Bagi Negeri Sarawak, sebanyak \$1,240,000 akan dibelanjakan di dalam tahun 1978 bagi membiayai rancangan penanaman semula dan juga tanaman baru getah. Bagi rancangan ini sejumlah 8,400 ekar adalah rancangan yang diteruskan dari tahun 1977. Manakala sejumlah 6,500 ekar adalah rancangan bagi tahun 1978. Bagi Negeri Sabah pula, peruntukan sebanyak \$1,926,000 adalah diperlukan untuk membiayai rancangan tanaman semula dan tanaman baru getah dan luas kawasan yang terlibat adalah sebanyak 6,420 ekar. Sebanyak \$1,600,000 lagi dikehendaki sebagai pinjaman kepada Lembaga Tabung Getah Sabah bagi maksud tanaman semula dan tanaman baru getah.

Perhutanan

Bagi memajukan sektor perhutanan, Kementerian saya memerlukan peruntukan sebanyak \$4,868,510 dalam tahun 1978. Daripada jumlah ini \$3,503,510 akan dibelanjakan di Semenanjung Malaysia dan bakinya sebanyak \$1,365,000 adalah untuk Negeri Sarawak. Antara program-program yang akan dijalankan ialah pengurusan hutan, silvikalca, kejuruteraan hutan, ekonomi hutan, perancangan hutan, kemajuan perindustrian dan rekaan kayu, penyelidikan perhutanan serta pelajaran dan latihan. Manakala di Sarawak pula sejumlah besar daripada peruntukan yang dipohon akan disalurkan kepada pusat latihan dan penyelidikan kayu serta untuk memperolehi kelengkapan-kelengkapan tertentu bagi maksud meninggikan lagi keupayaan.

Penyiasatan Kajibumi

Jumlah peruntukan yang diperlukan bagi tujuan penyiasatan kajibumi ialah \$1,701,010. Pecahan bagi jumlah ini adalah seperti berikut:

- (i) \$351,000 bagi Semenanjung Malaysia;

- (ii) \$765,000 bagi Negeri Sarawak;
- (iii) \$585,000 bagi Negeri Sabah.

Kerja-kerja yang akan dijalankan termasuklah penyiasatan pinggir-pinggir pantai bagi timah dan lain-lain punca galian. Penyiasatan ini diharap akan membolehkan perlombongan di lapisan-lapisan laut cetek yang membatasi pantai-pantai barat Semenanjung Malaysia. Eklorasi bersistem bagi menentukan punca air bawah tanah akan diteruskan di kawasan-kawasan di mana bekalan air dipermukaan tidak mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan rumah tangga dan pertanian.

Galian

Kementerian saya, melalui Jabatan Galian akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikannya dengan terdirinya sebuah makmal geoteknik di Ipoh. Kajian-kajian bagi memastikan kestabilan muka-muka lombong yang berhampiran dengan jalanraya, landasan keretapi dan bangunan-bangunan akan dijalankan supaya kerja melombong dapat dijalankan dengan lebih selamat dan kepentingan-kepentingan tersebut adalah terjamin. Makmal geoteknik ini juga akan mengkaji cara-cara membina empangan-empangan di kawasan hampas lombong supaya satu panduan yang lebih teliti dapat diperolehi bagi pelombong-pelombong dalam bidang ini. Bagi melaksanakan kerja-kerja ini satu peruntukan sebanyak \$340,000 adalah diperlukan.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan belanja mengurus tahun 1978 bagi Kementerian Perusahaan Utama sebanyak \$21,257,100 dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun yang sama sebanyak \$66,100,535 diluluskan.

4.23 *ptg.*

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 23, Butiran 1100, Aktiviti

- (1) Pentadbiran Am, Penyelidikan dan Perancangan, Aktiviti (2) Bahan-bahan Utama, muka surat 131 dan Kepala Pembangunan P. 23, Butiran I — Rancangan Tanaman Semula Getah (iii) Rancangan No. 3, muka surat 138.

Kita sedia maklum bahawa Rancangan Tanaman Semula Getah telah memberi banyak kemudahan kepada pekebun-pekebun kecil di luar bandar. Rancangan ini sangat berguna dan besar faedahnya kepada pekebun-pekebun kecil. Dengan adanya rancangan Tanam Semula ini, ia akan memberi peluang kepada pekebun-pekebun kecil untuk berusaha dengan lebih giat lagi bagi meninggikan mutu pengeluaran getah mereka.

Tuan Pengerusi, getah adalah hasil utama negara. Tiap-tiap satu sen naiknya harga, ia akan menghasilkan berjuta-juta ringgit hasil negara. Pengeluaran getah dalam tahun 1976 ialah sebanyak 907,008 tan metrik. Kita berharap berakhirnya tahun 1977 ini pengeluaran getah akan meningkat sebanyak satu juta tan metrik. Tahun 1977 harga getah satu kilo ialah 200.42 sen manakala tahun 1978 di-ramalkan sebanyak 200 sen lebih satu kilo.

Kita memuji langkah berani dan berkesan yang dibuat oleh misyen perdagangan kita. Pasaran adalah perkara penting bagi eksport getah kita. Kita bukan sahaja perlu menumpukan perhatian kita kepada negara-negara Eropah khususnya negara-negara Persatuan Ekonomi Eropah (EEC), tetapi juga negara-negara Eropah Timur, negara-negara di Timur Jauh seperti Korea Utara dan Selatan, Jepun, Negeri China sebagai suatu kuasa pembeli utama getah asli kita, hatta di Latin Amerika sekalipun, misyen perdagangan kita hendaklah mencari pasaran di mana-mana sahaja di dunia ini.

Kita mengamalkan dasar bebas (free enterprise) dalam soal perdagangan kita. Kita bukan sahaja perlu memasarkan getah kita dengan kuasa-kuasa besar, tetapi juga dengan negara-negara pengguna dari Blok Kominis. Kita tidak boleh berharap dengan misyen perdagangan Kerajaan sahaja, tetapi juga

kerjasama yang erat dari attache perdagangan, Dewan-dewan Perniagaan yang perlu mendapat membantu usaha-usaha Kerajaan dalam menggalakkan dasar perdagangan bebas kita.

Tuan Pengerusi, kita selalu berasa bimbang apabila Amerika Syarikat mengeluarkan Stok Penimbang Getahnya. Kita tahu walaupun Amerika Syarikat sebagai negara pengguna utama getah asli, namun begitu kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada negara-negara kuasa besar sahaja, tetapi perhatian hendaklah ditumpukan untuk mencari pasaran seberapa banyak yang boleh.

Kita mempunyai bahan-bahan mentah, tetapi kita kekurangan technologists. Dalam amalan ini, pegawai-pegawai kita hendaklah dihantar berlatih di mana-mana sahaja di seberang laut guna untuk memperluaskan mutu pengeluaran bahan-bahan mentah kita.

Tuan Pengerusi, kita mempunyai empat bahan utama negara, iaitu getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan kayu balak.

Saya ingin mengesyorkan bahawa oleh kerana bumi kita ini begitu subur, apa sahaja yang ditanam, hidup dengan suburnya, maka usaha-usaha untuk menambahkan empat bahan utama negara ini hendaklah dilaksanakan, iaitu yang kelima lada hitam, dan yang keenam ialah tanaman koko. Kajian dan tinjauan hendaklah dipergiatkan secara besar-besaran sepertimana yang dilakukan oleh rancangan raksaksa FELDA yang umum mengetahui mendapat sanjungan orang ramai dan pujian dari Bank Dunia.

Pada masa ini tanaman lada hitam hanya ditumpukan di Negeri Sarawak dan Johor sahaja. Saya percaya MARDI, dengan segala alat, kemudahan dan pakar, boleh menjalankan penyiasatan di seluruh negara untuk membuat kajian samada tanaman lada hitam dapat diperluaskan di negeri-negeri lain, selain daripada dua buah negeri yang saya sebutkan tadi.

Kita sedia maklum bahawa negara-negara dalam Gugusan Pulau-pulau Melayu adalah terkenal dalam abad yang ke 14 dan 15 dahulu dengan keluaran rempah-rempahnya sehingga menjadi tumpuan perdagangan kuasa-kuasa Barat.

Tuan Pengerusi, lada hitam dan koko mempunyai potensi yang cemerlang bagi negara kita. Harga lada hitam di pasaran adalah tinggi. Begitu juga harga pasaran koko.

Saya ingin mengesyorkan bahawa usaha bukan sahaja perlu ditumpukan kepada tanamannya, tetapi juga memperbaiki mutu pengeluarannya. Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah memandangkan perkara ini sebagai perkara perlu dan mustahak. Bahan-bahan ini, saya kira boleh mendapat pasaran yang baik di dunia sekiranya kita berusaha bersungguh-sungguh menjayakannya.

Sekianlah sahaja, saya menyokong peruntukan Kementerian Perusahaan Utama.

4.30 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh Kepala P. 23 Butiran 15 di muka surat 139 — Penanaman Semula Getah Sarawak, yang mendapat peruntukan sebanyak \$1,240,000 iaitu melebihi peruntukan yang sama bagi tahun 1977 sebanyak \$265,000. Walaupun demikian jika dibandingkan dengan peruntukan Tanaman Semula Getah di Sabah, Sarawak didapati kekurangan sebanyak \$686,000 bagi peruntukan tahun 1978.

Saya bercakap memberi bandingan seperti ini bukanlah bertujuan irihati kepada peruntukan yang diberi kepada Negeri Sabah mahupun negeri-negeri yang lain. Apa yang saya berharap supaya Kementerian yang berkenaan ini dapat memberi penjelasan dan gambaran tentang terdapatnya perbezaan seperti itu. Saya yakin pada masa ini rakyat di Sarawak terutama yang di luar bandar sebagai pekebun-pekebun kecil getah lama atau getah

tua yang tidak begitu memberi hasil lagi sangat-sangat berkehendakkan bantuan menanam semula getah yang bermutu tinggi dan juga menanam baru getah seperti itu di tanah kosong mereka, terutama di tanah pusaka bumiputra yang tidak ada surat milik tanah terdapat bertaburan di seluruh pedalaman Negeri Sarawak dan banyak juga terdapat di tepi-tepi jalan baru seperti di tepi jalan dari Sibul, Ulu Oya sampai ke Ulu Balingian yang saya rasa sesuai dengan tanaman getah.

Oleh yang demikian saya berharap pada masa akan datang peruntukan seperti ini sepatutnya diberi pertimbangan yang wajar di mana kehendak rakyat di sesebuah negeri yang sama lebih kurang penduduk dan rakyatnya berkehendakkan pembangunan yang berlatar belakang yang serupa, tidak terdapat perbezaan yang boleh mengurangkan minat rakyat, yang sepatutnya menggalakkan rakyat di bidang seperti ini bagi mengokohkan lagi ekonomi rakyat dalam jangka panjang. Di samping itu juga supaya rakyat tidak merasai di sesuatu negeri dalam negara kita ini diberi perbezaan layanan lebih lagi di bidang ekonomi seperti yang saya maksudkan ini. Ini bukan sahaja menguntungkan rakyat yang berkenaan itu sendiri bahkan negara juga akan menerima faedahnya.

Sukacita juga apabila saya mengetahui Kementerian ini telah bercadang akan menggunakan peruntukan yang ada ini untuk menanam sebanyak lebih kurang 8,000 ekar getah tanaman baru dan semula di Sarawak. Oleh yang demikian saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya kawasan untuk tanaman itu biarlah diberi merata bahagian di Negeri Sarawak supaya rakyat sedikit-sebanyak dapat menikmatinya.

Tuan Pengerusi, saya berpindah mengenai Butiran 45 di muka surat 104 dan Butiran 76 dan 77 di muka surat 141 bagi Negeri Sarawak. Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya menyentuh butiran yang saya sebutkan itu sekaligus untuk menjimatkan masa. Pusat

Penyelidikan Kayu dan Latihan Teknik di bahagian ini memang perkara yang penting bagi kemajuan perusahaan kayu-kayuan negara kita ini. Dengan memandangkan luasannya kawasan hutan Negeri Sarawak serta dengan hasil galian semula jadi di Negeri Sarawak memang wajar peruntukan diberi sesuai dengan keadaan di negeri itu supaya sumber semula jadi ini dapat diselidiki lebih berkesan lagi bagi kemakmuran rakyat dan negara seluruhnya baik di darat ataupun di lautan. Sumber hutan sudah pasti terkawal dengan baik. Perkara ini bukan sahaja untuk mendapat hasil wang pendapatan Kerajaan yang banyak seperti sekarang ini tetapi harapan rakyat terutama yang duduk di luar-luar bandar berhampiran tepi hutan seperti terdapat di Sarawak juga diberi perhatian yang berat oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Perkara ini sudah pasti disedari oleh Kerajaan.

Walaupun demikian, ingin saya mengingatkan lagi supaya kehidupan rakyat terutama bumiputra tidak begitu terjejas yang banyak bergantung hidup kepada sumber-sumber hutan. Penyiasatan kaji bumi dan punca air adalah perkara yang pasti dibuat supaya sumber kekayaan bumi di negara kita ini dapat diketahui. Rakyat di Negeri Sarawak lama sudah berbangga semenjak penjajah dulu di mana negeri itu mengeluarkan hasil minyak beribu-ribu juta ringgit, begitu juga hasil galian yang lain termasuk emas. Walaupun demikian kebanggaan kami itu tidak sepertimana hasil diperolehi daripada bumi negeri kami. Sekarang sudah tiba masanya Kementerian yang bertanggungjawab ini dapat memberi nikmat yang dipusakai itu supaya dapat dirasakan oleh rakyat yang patut menerimanya untuk mempertingkatkan lagi keadaan sebilangan besar daripada kami yang tinggal dalam kemiskinan hampir di dalam semua bidang kemajuan.

Saya harap dengan adanya peruntukan pembangunan berjumlah sebanyak \$66,100,535 Kementerian ini dapat berjalan lebih lancar lagi bagi tahun 1978 sebagai satu

Kementerian yang sangat penting untuk meneroka hutan dan bumi Malaysia. Saya menyokong peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan yang dikehendaki oleh Kementerian Perusahaan Utama bagi tahun 1978.

4.37 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan sebanyak \$87,357,635 di bawah Kepala B. 23 bagi Kementerian Perusahaan Utama. Merujuk kepada Kepala B. 23, Butiran 2, peruntukan telah diberi sebanyak \$19,536,000 untuk MARDEC yang saya rasa satu peruntukan yang adil bagi pembangunan getah dalam negara kita yang menjadi hasil utama negara kita.

Dalam perkara ini saya suka menarik perhatian Kementerian ini kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pengundi-pengundi saya di kawasan Sungai Siput dan juga di kampung-kampung yang ada di dalam Sungai Siput. Ada masalah-masalah yang timbul kepada pemegang-pemegang lesen membeli dan menyimpan getah. Tuan Pengerusi, dengan adanya langkah pihak MARDEC mengadakan rancangan membeli getah cair di kampung-kampung sekarang ini maka pihak pelesen-pelesen membeli dan menyimpan getah telah terjejas perniagaan mereka kerana mereka tidak dapat getah daripada pekebun-pekebun kecil kerana kebanyakannya telah menjual kepada pihak-pihak pembeli getah cair itu. Pihak MARDEC bukan sahaja hanya membeli getah-getah cair tetapi mereka juga membeli getah beku. Dari keadaan yang demikian, pemegang-pemegang lesen membeli dan menyimpan getah susah mendapat jualan getah kepada mereka, sedangkan mereka juga telah membayar lesen sebanyak \$300 setahun.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala P. 23 Butiran 94 — Penilaian Bijih Timah dalam Kawasan Rezab Melayu, peruntukan sebanyak \$100,000 telah dibuat bagi tujuan ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam

tahun 1976 telah diperuntukkan sebanyak \$5,257 dan pada tahun ini, tahun 1977 sebanyak \$87,000 peruntukan telah dibuat. Kami menghargai bahawa di seluruh negara satu kawasan yang amat besar di bawah Rezab Melayu yang saya rasa mengandungi bijih timah yang banyak. Langkah ini adalah baik kerana Kerajaan telah ambil initiative untuk membolehkan orang-orang Melayu menceburkan diri dalam penggalian bijih timah.

Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah sebaik-baik sahaja maklumat diterima menyatakan bahawa sesuatu kawasan mengandungi bijih timah pihak yang menjadi orang tengah mendekati mereka-mereka yang mempunyai tanah itu serta berjanji akan memberikan 10% daripada peruntukan yang diperolehi kepada tuan-tuan tanah itu. Maka dengan mudah tertipu oleh orang-orang tengah ini, orang-orang Melayu di kawasan saya yang tinggal di Reserve Melayu pun terus serah tanah mereka kepada pengusaha-pengusaha lombong tanpa menyedari akibat perbuatan itu.

Selain daripada itu pada akhirnya bila bijih timah tidak ada di kawasan itu, iaitu sudah digali sepenuhnya maka Kerajaan seperti biasa ambil alih kawasan tanah itu, dan tuan-tuan tanah itu tinggal dengan tidak ada tanah sebagai tempat duduknya.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah pihak pengusaha lombong ini menyediakan janji palsu untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan dari Kerajaan bagi mengusahakan kawasan-kawasan tanah Reserve Melayu itu. Perkara ini ada berlaku di dalam kawasan saya sendiri. Saya ada juga melapurkan kepada polis tentang perkara ini. Pihak Pejabat Tanah dan Galian sebelum memberi sesuatu kelulusan haruslah membuat kajian yang mendalam dan teliti sekali dengan tuan-tuan tanah bagi memastikan keadaan yang sebenarnya bagi mengatasi masalah ini.

Itulah sahaja ucapan saya.

4.41 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Utama yang pada keseluruhannya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian ini yang di dalam tempoh lebih kurang tiga tahun telah bersusah payah bagi menyelesaikan masalah harga getah, harga bijih timah, kelapa sawit dan sebagainya dan menyebabkan ekonomi negara kita ini telah meningkat begitu baik.

Sungguhpun begitu, saya ingin menyebut beberapa perkara yang ada berkaitan dengan Kementerian ini oleh sebab saya terlibat terus kepada pentadbiran Kementerian ini kerana di kawasan saya, kawasan Matang yang pada keseluruhan penduduknya terdiri daripada petani-petani yang banyak berusaha di dalam perusahaan getah dan kelapa sawit; ada juga lombong bijih timah. Oleh sebab itu saya ingin menyebut di atas tiga tajuk utama yang ada kaitan di kawasan saya ini Maksud Bekalan 23 — Kementerian Perusahaan Utama Butiran 1100 dan P. 23 Butiran (1).

Bila saya sebutkan getah, dan kelapa sawit; kedua-dua ini sedang rancang disusun oleh pihak Kementerian ini bagi maksud menanam semula. Menanam semula ini duduk di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Kemajuan Perusahaan Pekebun-pekebun Kecil Getah yang disebut rengkas RISDA. Apabila saya sebut RISDA ini ternampaklah yang Kerajaan sedang menyusun pada setahun sebanyak 20,000 ekar bagi menanam semula kedua-dua jenis ini, saya nampak tentulah baik.

Tuan Pengerusi, di dalam hal menanam semula getah oleh sebab saya telah katakan tadi di daerah Larut-Matang, Perak ini banyak kawasan-kawasan getah yang telah ditanam semula tetapi apabila sahaja harga-harga barang naik di samping itu juga harga-harga perusahaan utama naik ada kedengaran pekebun-pekebun kecil apabila hendak menanam semula berasa tidak puas hati

dengan bantuan yang diberi pada masa ini sebanyak \$900 seekar. Oleh sebab bahan-bahan untuk menanam semula getah ini memerlukan lebih daripada \$900 maka rakyat yang berkenaan merayu dan meminta; dan saya merayu di dalam Dewan ini supaya dipertimbangkan lebih daripada \$900 dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin tahu berapakah sebaik-baiknya angka yang saya maksudkan. Saya percaya apabila saya sebut ini, kemungkinan ada persamaan dengan cadangan-cadangan rakyat di kawasan-kawasan lain juga. Maka saya suka mengesyorkan sebanyak \$1,500 seekar.

Saya percaya dengan peruntukan yang akan diberi sebanyak \$1,500 ini maka keluh-kesah yang ada pada mereka yang bermaksud hendak menanam semula ini, saya percaya melegakan perasaan mereka dan dapat melaksanakan dengan sebaik-baiknya dan rancangan Kerajaan 20,000 ekar setahun itu mudah tercapai.

Tuan Pengerusi, apabila saya sebutkan berkenaan dengan hal ini, saya nampak bagaimana pentadbiran yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian ini bagi pejabat-pejabatnya ataupun pegawai-pegawai dari pihak yang saya sebutkan pegawai wilayah, saya nampak di Pejabat yang ditempatkan di Taiping, pegawai yang berkenaan terpaksa menjaga kawasan yang begitu luas sekali, yang melibatkan daerah Larut-Matang, Krian dan Ulu Perak. Ada baiknya kawasan-kawasan seperti ini diperkecilkan supaya lebih mudah mereka ini menjalankan pentadbiran.

Saya katakan begitu kerana di dalam rancangan penyusunan bagi menjayakan penanaman semula ini sudah timbul satu masalah besar, yakni terutama pekebun-pekebun kecil yang kurang daripada lima ekar khususnya dimiliki oleh orang-orang Melayu. Tanah yang seluas ini telah dimiliki oleh datuk-neneknya di suatu masa dahulu dan apabila mereka sudah meninggal dunia maka ia menjadi hakmilik kepada waris-warisnya, sehinggalah beberapa keturunan ataupun

sekurang-kurangnya satu keturunan. Tetapi oleh sebab barangkali keluasan lima ekar, empat ekar, tiga ekar, dua ekar dan sekar yang seperti ini tidak menggalakkan waris-waris ini hendak mengambil hak di atas tanah yang seluas itu mungkin kerana ramai maka tanah yang sudah ditanam getah di suatu masa dahulu terbiar begitu sahaja dan tidak dapat ditanam semula. Sebabnya apabila permohonan hendak ditanam semula pemohon ini hendaklah disahkan terlebih dahulu bahawa ia memiliki tanah tersebut sebagai haknya di atas kuasa undang-undang tanah di negeri ini. Apabila ia telah memiliki tanah ini, barulah pihak RISDA akan memberi bantuan di atas tanah tersebut, tetapi jika tidak maka rancangan ini tidak diberi sebarang bantuan. Jadi oleh sebab itu di atas masalah yang timbul ini, saya percaya di daerah Larut-Matang dan Selama iaitu termasuk Ahli Parlimen Larut dan Ahli Parlimen Taiping yang kebetulan Timbalan Menteri yang berkenaan, dan kawasan Matang sendiri lebih daripada 15,000 ekar getah ini yang terlibat yang tidak boleh ditanam semula oleh sebab tidak dapat diambil kuasa bagi memiliki tanah itu oleh waris-waris yang berkenaan oleh sebab yang saya katakan tadi.

Saya percaya kalau di daerah Larut-Matang, selama ini sudah ada beribu-ribu ekar, saya yakin pada keseluruhan negara tentulah banyak keadaan seperti ini. Oleh sebab itu sepatutnyalah pihak Kementerian ini memandang keadaan ini, patut diselesaikan dengan satu cara yang munasabah supaya tanah-tanah seperti ini dapat bersama-sama ditanam semula sepertimana juga tanah-tanah di tempat-tempat yang lain. Adakah pandangan seperti ini munasabah atau tidak yang akan difikirkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, tetapi bagi saya keadaan ini baik sekiranya tidak mencari satu cara bagi menyelesaikan supaya tanah-tanah seperti ini dapat juga ditanam semula maka matlamat 20,000 ekar setahun atau 100,000 ekar lima tahun kemungkinan akan tidak tercapai dengan sebaik-baiknya. Oleh itu tanah-tanah ke-

luasan yang kecil ini juga hendaklah dipandang berat oleh pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, mengenai penanaman semula kelapa sawit. Kelapa sawit ini oleh kerana bahan yang diperolehi daripadanya harganya lebih baik daripada harga getah maka kawasan-kawasan getah telah ditebang dan diganti dengan tanaman kelapa sawit, selain daripada kelapa sawit ditanam di kawasan-kawasan baru. Hasilnya baik, keadaan negara ekonominya baik, tetapi yang menjadi masalah, apabila sahaja ada getah, ada kilang getah; bila ada kilang getah, kebanyakan kilang-kilang ini dibuat di tepi sungai, kekotoran daripada kilang-kilang getah ini dibuang ke dalam sungai dan menyebabkan pencemaran alam telah terjadi. Beratus-ratus sungai dalam negara kita ini dan menyebabkan pula Kerajaan terpaksa mengambil tindakan di atas apa yang telah dibuat.

Apabila sahaja kelapa sawit mengambil peranan perusahaan utama di dalam negara kita muncul pula kilang-kilang kelapa sawit dengan begitu banyak bagi keperluan kelapa sawit, dan didirikan pula di tepi-tepi sungai mengikuti sepertimana yang dibuat oleh pengilang-pengilang getah, kerana segala kekotoran daripada kilang kelapa sawit ini sebaik-baiknya dibuang di dalam sungai dengan mudah dan pengilang-pengilang ini mendapat keuntungan yang lebih. Akibatnya sungai-sungai di dalam negara kita ini tadi seperti saya sebutkan daripada kilang-kilang getah sudah ada, tetapi datang pula kilang-kilang daripada kelapa sawit sudah menambahkan kekotoran yang lebih lagi. Ini menyebabkan kekotoran yang bertambah ataupun lebih ganda kerana saya diberitahu oleh ahli-ahli sains mengatakan kotoran yang datang daripada kelapa sawit lebih banyak bahayanya daripada getah. Akhirnya kawasan-kawasan yang saya katakan tadi sudah timbul pencemaran alam dan sesiapa yang tinggal di tepi sungai sudah menjadi gelisah kerana di negara kita, kita sedia maklum bukan seperti pekebun kelapa sawit di Afrika kerana di

Afrika rakyatnya tidak tinggal di tepi sungai seperti di negara kita. Tetapi di negara kita ini rakyat asal telah tinggal di tepi sungai dan kebanyakan daripada mereka ini terdiri dari nelayan dan sebagainya dan telah menimbulkan masalah pula. Di samping itu kita mendapat hasil yang baik dan sebahagian daripada rakyat menerima penderitaan dan akhirnya Kerajaan menubuhkan pula sebuah Kementerian baru yang mengawal di atas pencemaran alam ini.

Apa yang saya maksudkan di sini, di samping pembangunan ataupun penanaman semula kelapa sawit yang ada di negara kita ini Kerajaan ataupun Kementerian ini mengambil perhatian berat bagaimanakah dapat supaya pengilang-pengilang kelapa sawit ini didirikan di tempat-tempat yang munasabah dan tidak pula menyebabkan rakyat di kawasan berkenaan akan menerima akibat daripada keadaan ini. Oleh sebab itu eloklah Kementerian yang berkenaan ini oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini sudah begitu pakar di dalam bahagian getah pada satu masa dahulu, saya percaya di dalam bahagian kelapa sawit pun sama — sudah tentu diakui akibat daripada kekotoran dan bahaya-bahaya yang dihadapi oleh rakyat apabila mereka menggunakan air daripada kilang-kilang ini dan saya diberitahu bahawa sungai-sungai yang berkenaan ini sudah tidak ada ikan, undang-undang galah yang besar pada satu masa dahulu di Negeri Perak habis langsung, kerana undang galah di Negeri Peraklah yang paling sedap sekali di Malaysia, tidak ada lagi pada masa sekarang.

Saya juga telah diberitahu bahawa buaya-buaya pun hampir hendak habis kerana kilang-kilang kelapa sawit ini, sungguhpun ini mentertawakan orang ramai, tetapi bagi rakyat yang berkenaan tidak ketawa lagi pada masa sekarang apabila mereka menghadapi masalah ini dan apabila mereka melihat rupa minyak yang hijau mengalir bersama-sama air sungai ke laut dan tempat ini sudah tidak ada harapan lagi untuk mereka mencarinya.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut kawasan-kawasan rezab tanah iaitu kawasan lombong bagi orang-orang Melayu. Sebutan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini saya ingin bertanya apakah satu rancangan yang telah disediakan oleh Kementerian ini supaya lombong-lombong kawasan-kawasan rezab orang-orang Melayu ini yang memiliki bijih timah tanah ini supaya hasil-hasil yang ada di tanah-tanah tersebut dapat dimiliki ataupun dapat diperolehi oleh mereka khasnya orang-orang Melayu kerana setahu saya oleh kerana berita ini kalau tidak silap saya dibuat di Negeri Perak, maka ertinya di Negeri Peraklah lebih banyak hasil bijih timah di samping negeri-negeri lain di dalam Malaysia ini. Oleh sebab itu di atas tiga perkara ini yang terlibat betul-betul di kawasan saya iaitu di kawasan Matang. Oleh sebab saya sebut Matang beberapa kali, Pemberita Talivisyen kadang-kadang silap, kadang-kadang saya disebut Ahli dari Ulu Nerus; Ulu Nerus disebut Matang, jadi kami berdua ini kadang-kadang tersilap. Bukanlah saya bermaksud malam ini kena tayang gambar saya di dalam talivisyen itu, biarlah betul dan kena pada tempatnya supaya apa yang telah disebutkan ini dapat benar-benar diketahui umum oleh kerana di Ulu Nerus, saya percaya tidak ada lombong bijih, kalau disebut lombong bijih barangkali silap sedikit tetapi di Matang banyak.

Sekianlah sahaja pandangan saya dan saya harap supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kebetulan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang lagi inipun datang berhampiran dengan kawasan saya yang sudah lebih maklum di atas apa yang telah berlaku di kawasan-kawasan yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian.

5.02 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk menyokong peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerian Perusahaan Utama. Di sini saya suka memberi pandangan sedikit

iaitu di bawah Kepala B. 23, Butiran 1100, muka surat 131, Aktiviti (1).

Tuan Pengerusi, saya ada membaca laporan Kementerian Perusahaan Utama yang menyatakan bahawa Kementerian ini bercadang untuk menubuhkan Instituti Penyelidikan Perusahaan Kelapa Sawit dan juga berhajat untuk menubuhkan pusat pasaran (commodity exchange) bagi minyak kelapa sawit, sebagai sebuah negara yang penting dan pengeluar minyak kelapa sawit, saya rasa patutlah kita mengalu-alukan hasrat Kementerian ini kerana saya percaya dengan penubuhan Instituti Penyelidikan Kelapa Sawit ini tentulah mutu pengeluaran atau mutu hasil kelapa sawit kita ini dapat sebanding jika tidak melebihi hasil-hasil minyak sawit yang dikeluarkan oleh negara-negara lain seperti Negara Afrika. Dan saya percaya juga pusat pasaran (commodity exchange) kelapa sawit ini jika berjaya ditubuhkan akan menstabilkan harga kelapa sawit dan kedua-dua projek ini, saya menyeru Kementerian ini supaya dipercepatkan di atas beberapa sebab. Sebab yang terutama seperti saya katakan tadi bahawa negara kita adalah sebuah negara yang penting sebagai pengeluar hasil kelapa sawit.

Di dalam tahun 1977 sahaja FELDA telah memajukan lebih daripada 866,000 ekar tanah dan dari angka itu lebih daripada 515,000 ataupun lebih kurang 56.5% adalah ditanam dengan kelapa sawit.

Di dalam tahun 1977 juga mereka yang menunggu untuk memasuki rancangan FELDA berjumlah lebih kurang 15,000.

Di dalam perhitungan saya dalam tahun 1990 iaitu setelah tamat Rancangan Malaysia Ketiga barangkali kita mempunyai peneroka yang mengharapkan hasil kelapa sawit di dalam lebih kurang 50,000 keluarga ataupun lebih sedangkan harga kelapa sawit sekarang tidak stabil, difluctuate daripada semasa ke semasa. FELDA tidak pernah mendapatkan kontrek bekalan kelapa sawit lebih daripada 6

bulan oleh kerana pembeli-pembeli minyak sawit ini mempunyai pilihan yang lain kerana minyak sawit ini banyak pertandingannya, minyak ini bertanding dengan minyak makan jenis lain seperti Sunflower dan sebagainya, jadi pembeli-pembeli banyak pilihan. Ini tidak payah kita sebutkan pertandingan dengan negara-negara lain seperti beberapa buah negara di Afrika yang mempunyai keistimewaan di dalam suatu perjanjian istimewa dengan Negara EEC. Jadi jikalau minyak sawit kita ini mutunya agak rendah dan kita juga bertanding dengan negara-negara lain yang mempunyai keutamaan di bawah perjanjian dengan Negara-negara EEC ini, apakah akan jadi kepada hasil minyak sawit kita di dalam masa-masa yang akan datang. Apakah implikasi politik, apakah implikasi ekonomi yang melibatkan barangkali dalam lingkungan 50,000 keluarga kebanyakannya orang Melayu di dalam negara ini. Saya harap pihak Kementerian dapat mempercepatkan projek ini supaya mutu sawit kita itu tinggi seperti juga tarafnya dengan getah asli kita jika dibandingkan dengan getah-getah asli ataupun getah-getah tiruan di tempat lain.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perusahaan Utama ini telah berusaha memperbaiki mutu, juga mencari pasaran-pasaran baru, membanyakkan bagi hasil-hasil utama kita iaitu bijih timah, getah, kelapa sawit, nenas dan tembakau. Saya percaya rakyat di negara ini telah banyak mendapat faedah daripada hasil kajian ataupun rancangan Kementerian ini dan orang Melayu juga tidak kurang mendapat hasil daripada usaha-usaha Kementerian ini terutamanya mereka yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil. Di samping itu kita juga harus sedar bahawa daripada hasil kajian-kajian itu orang-orang yang kaya juga; pelombong, tuan-tuan estet yang besar-besar juga mendapat faedah daripada kajian-kajian dan usaha-usaha itu. Tetapi saya ingin bertanya kepada Kementerian ini ataupun kepada Kerajaan secara Am bagaimana pula keadaan ini dengan perusahaan traditional orang Melayu iaitu pembuat batik. Tidakkah

Kementerian ini patut membuat satu cadangan kepada Kerajaan supaya perusahaan batik juga dimasukkan dalam senarai Kementerian ini. Jikalau perusahaan batik ini sudah mendapat pasaran....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala mana?

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Di bawah research juga, secara amnya di bawah Aktiviti (1).

Tuan Pengerusi: Research ini sudah berjalan sekarang, tetapi soal batik ini adalah terkeluar daripada tajuk ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Ini adalah secara pandangan yang ringkas.

Tuan Pengerusi: Baiklah, terlanjur sudah disebut itu tetapi janganlah terlampau jauh sangat.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tidak, Tuan Pengerusi.

Jadi seperti saya katakan kalau batik sudah mendapat pasaran di Eropah ataupun di Jepun, saya ingat adalah sesuai jika perusahaan batik ini juga dimasukkan di bawah senarai Kementerian supaya dapat berusaha membuat penyelidikan, mencarikan pasaran, kerana di dalam keadaan seperti sekarang ini barangkali perusahaan batik atau teknologi batik ini akan pindah ke negara jiran. Jadi saya minta Kementerian ini memberi perhatian kepada perusahaan ini.

Begitu juga dengan perusahaan tradisi Orang Asli, rotan. Rotan ini juga nampaknya telah mendapat pasaran yang begitu baik di Germany dan Jepun, sedangkan tidak ada satu-satu Kementerian yang berusaha untuk menjaga perusahaan ini. Sekarang ini Orang-orang Asli yang berusaha di dalam lapangan ini masih dieksploit oleh orang-orang tengah dan keadaan ini sangatlah menyedihkan. Orang-orang tengah nampaknya bertambah

kaya, Orang-orang Asli keadaan ekonominya serupa lama juga. Jadi ini pun patut sangatlah Kementerian ini memikirkan samada perusahaan ini sesuai dicadangkan supaya dimasukkan ke bawah senarai Kementerian ini.

5.12 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada ucapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Sungguhpun ucapannya baik sekali membangkitkan confidence tetapi namun demikian ada juga satu dua perkara yang saya sentuh untuk pertimbangan.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, berkenaan Kepala B. 23 iaitu di bawah Butiran 1100 Aktiviti 4(b) Penguatkuasa Undang-undang iaitu aktiviti Galian. Memang diketahui umum bahawa memang banyak syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka yang membuat galian yang diperuntukkan oleh undang-undang. Satu daripadanya ialah supaya segala lubang-lubang hendaklah dikambus melainkan ada sebahagian kecil yang diberi kecualian. Tetapi apa yang kita lihat di negara kita ini, di tempat-tempat kawasan perlombongan begitu tercemar sekali muka bumi dengan lubang-lubang yang telahpun ditinggalkan oleh mereka yang telah menjalankan perusahaan perlombongan. Boleh jadi satu daripada sebabnya ialah kelemahan pihak penguatkuasa undang-undang. Itu hanya kemungkinan sahaja, saya pun kurang arif dalam perkara ini, tetapi ada kemungkinan, bahawa kakitangan mungkin kurang di dalam bahagian ini untuk menentukan supaya syarat-syarat yang dikenakan di bawah undang-undang dilaksanakan dengan sepenuhnya. Kalau tidak, maka berlakulah keadaan yang didapati sekarang ini di mana setengah-setengah tempat yang memang masyhur sebagai kawasan perlombongan maka kawasan itu tinggallah berlobang-lobang langsung tak boleh dibuat apa-apa sekalipun.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, bukan sahaja lobang-lobang ini mesti dikambus malah menjadi tanggungjawab mereka yang berusaha timah, selepas mereka telah mencari gali dan menggali hasil-mahsul timah itu meninggalkan kawasan itu dengan lebih baik, lebih cantik, lebih molek daripada sebelum mereka melombong kawasan itu. Kalau boleh kawasan itu hendaklah dicantikkan, diadakan sedikit planning, tanamlah pokok-pokok yang cantik-cantik, dengan tumbuhan-tumbuhan yang molek supaya kawasan itu dapat menarik. Kalau terpaksa ditarukkan top-soil maka terpaksa mereka menyediakan bahan-bahan tanah yang subur supaya kerja-kerja mengembalikan balik tanah itu seperti biasa dapat dilakukan. Maka dengan itu pada pendapat saya kawasan-kawasan yang pada hari ini menjadi suatu eyesore, satu keadaan yang amat mendukacitakan akan dapat dielakkan dari masa ke semasa.

Di negara-negara lain yang mana perusahaan-perusahaan perlombongan, baik timah atau bahan-bahan yang lain, mereka telah begitu menjaga keadaan semula jadi bumi. Tempat mereka telah dijaga dan dikawal dengan baik selepas mereka melombong meninggalkan tempat itu dengan begitu baik sekali. Saya tidak dapat memikirkan mengapa setengah-setengah daripada syarikat-syarikat perlombongan yang sedang bergiat di negara kita ini tidak boleh melakukan apa yang mereka telah dan sedang melakukan di negara asing pada hari ini. Apa yang mereka boleh lakukan di Australia umpamanya, semestinya mereka boleh lakukan di Negara Malaysia ini, dengan menjaga environment kita keadaan alam sekeliling Negara Malaysia kita ini usaha dari kegiatan perlombongan mereka. Bukan itu sahaja malah sepertimana yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang, sungai-sungai kita pun sekarang yang dahulunya jernih, cantik, molek boleh mandi dan berbagai-bagai, sekarang sudah hampir keseluruhan sungai-sungai negara kita sudah pun rosak. Ini adalah satu perkara yang memang saya faham tidak boleh dielakkan

mungkin memang saya akui ada setengah-setengah sungai itu terpaksa mereka — syarikat-syarikat melombong ini mengdischarge atau mencurah berbagai-bagai bahan di dalam sungai kita dan mencemarkan, itu apa boleh buat, tidak dapat dielakkan. Tetapi sungai-sungai yang boleh dielakkan hendaklah dielakkan dan ada setengah-setengah sungai yang memang masyhur dengan mereka membuat picnic dan sebagainya ada yang mereka berkelah, sungai-sungai seperti ini kalau boleh dielakkan cubalah mencari jalan untuk mengelakkan sungai-sungai ini daripada menjadi kotor langsung tak boleh menjadi satu sungai untuk kita bersukaria dan menjadi tempat persiaran atau recreation untuk orang ramai.

Perkara ini patutlah satu perkara yang susah diperbuat tetapi sekiranya Bahagian Law Enforcement atau Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang ini dapat sedikit pekerja ataupun menambah pegawai-pegawainya, cara manakah saya kurang arif, perkara ini akan dapat diatasi. Saya yakin penuh dengan kepercayaan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama boleh mengatasi, masalah pencemaran yang timbul daripada masalah galian di negara ini.

Perkara yang kedua, saya suka menyentuh di dalam perkara perhutanan iaitu kerja-kerja pembalakan ini memanglah menjadi punca pendapatan negara, tetapi juga hendaklah dikawal supaya kawasan-kawasan yang telahpun dibalok hendaklah ditanam semula dan kawasan-kawasan yang tak patut dibalok janganlah dibalok. Suatu peristiwa telahpun berlaku baru-baru ini yang amat memalukan negara kita iaitu berkenaan dengan Pembalakan di kawasan Endau-Rompin. Sepertimana Tuan Pengerusi sedia maklum kawasan Endau-Rompin ini adalah suatu kawasan yang terkenal sebagai kawasan recreation, kawasan hutan lindungan untuk dijadikan khazanah negara tetapi pembalakan telahpun dilakukan di kawasan itu dan mungkin akibat daripada

kegiatan pembalakan itu kawasan Endau-Rompin itu mungkin tak boleh terselamat lagi, rosaklah untuk selama-lamanya. Jenerasi yang akan datang tidak akan dapat mewarisi khazanah pertumbuhan yang kaya yang semula jadi daripada kawasan Endau-Rompin tetapi apa boleh buat perkara itu sudahpun berlaku. Kalau 5 jam pun saya berucap di sini, Tuan Pengerusi, tidak akan dapat memperbaiki keadaan Endau-Rompin. Tetapi apa yang saya boleh merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah supaya peristiwa Endau-Rompin ini tidak berlaku lagi, jangan berlaku lagi demi kepentingan jenerasi muda yang akan datang supaya mereka dapat mewarisi satu negara, bukan sahaja makmur tetapi alam sekelilingnya terkawal, terjaga dan terbina.

Tuan Pengerusi, saya menekankan perkara ini kerana daripada Anggaran Belanjawan 1978 daripada Kementerian Kewangan Malaysia ini (Kertas Perintah 38 Tahun 1977) telahpun mencatatkan di muka surat 230 dengan terang tugas agensi perhutanan di bawah Kementerian ini.

Saya bacakan, Tuan Pengerusi:—

“(iii) Perhutanan

1.1. Matlamat-matlamat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ialah:

(i) Mengurus kawasan hutan negara dengan cara yang teratur untuk menjamin bekalan kayu dan lain-lain keluaran hutan yang cukup, keadaan iklim, fizikal dan alam sekitar yang baik bagi kepentingan rakyat dan negara;”

Ini adalah suatu tanggungjawab yang berat menjaga keadaan iklim, fizikal dan alam sekitar yang baik bagi kepentingan rakyat dan negara. Maka oleh sebab itu, saya sukalah dengan segala hormatnya memperingatkan tanggungjawab Kementerian ini di bawah

matlamatnya yang telahpun dicatit dengan begitu terang di dalam lapuran Perbendaharaan.

Sekarang izinkan saya Tuan Pengerusi, pergi ke Kepala P. 23 iaitu Rancangan Tanaman Semula Getah yang mana telahpun diperuntukkan wang sebanyak \$27 juta. Di sini suka juga saya merujuk sedikit kepada lapuran Perbendaharaan di muka 229 dan muka surat 230 yang ada kaitan dengan perancangan menanam semula getah (RISDA), khusus saya membangkitkan soal program pembangunan masyarakat RISDA ataupun PMR. Di muka surat 229 ada menyatakan di situ bahawa pada tahun 1977 RISDA akan melatih 3,971 kakitangan dan 77,420 pekebun kecil di bawah Program Pembangunan Masyarakat RISDA ataupun PMR.

Pada tahun 1978 RISDA pula dijangka akan melatih seramai 1,640 orang kakitangan dan 77,400 orang pekebun kecil di bawah program PMR. Ini adalah jumlah yang bukan kecil. Jumlah yang besar pekebun-pekebun kecil akan dilatih dan begitu juga beribu-ribu kakitangan RISDA akan dilatih di bawah program PMR ini. Ini adalah satu program latihan yang baik dengan syarat latihan itu mengandungi unsur-unsur yang memberi faedah kepada kakitangan RISDA dan pekebun kecil itu. Saya percaya pihak yang bertanggungjawab yang menganjurkan program pembangunan masyarakat RISDA akan penuh bertanggungjawab untuk menggunakan wang yang begitu banyak diperuntukkan bagi perbelanjaan program itu demi kebaikan pekebun kecil dan seterusnya demi faedah negara kita. Janganlah dimasukkan di dalam latihan itu unsur-unsur yang kurang ada kaitannya dengan soal penanaman semula, umpamanya janganlah kalau boleh dimasukkan di dalam program itu latihan ideologi ataupun latihan-latihan yang kurang ada kaitan dengan soal penanaman semula bagi faedah peserta program penanaman semula getah. Saya bukan membantah adanya program latihan itu. Saya menyokong kerana program latihan ini baik. Apa yang saya hendak tegur ialah unsur dan isi, hanya untuk

mengingatkan supaya isi kandungan program itu benar-benar ada kaitan dengan program untuk melatih pekebun-pekebun kecil kita demi kebaikan mereka. Saya tidak mengatakan bahawa program ini disalahgunakan. Saya hanya mengingatkan jangan berlaku salahguna di dalam pelaksanaan latihan program pembangunan masyarakat RISDA ataupun PMR ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya suka menyentuh juga soal getah ini di bawah Kepala B. 23 juga Butiran 1100 Aktiviti (1) berkenaan dengan penyelidikan. Tuan Pengerusi, pada satu ketika dahulu semasa pemerintahan Jepun saya masih ingat lagi bahawa getah boleh digunakan untuk punca energy. Saya sendiri tahu dan ingat ada kenderaan-kenderaan yang telahpun berjalan dengan menggunakan getah.

Tuan Pengerusi: Pada masa itu tak ada Kementerian yang menjaga kecemaran alam.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Benar. Pada masa itu mereka menggunakan dengan crude manner tetapi saya percaya dengan adanya pengetahuan ilmu sains dan teknologi maka apa yang kita lakukan beberapa tahun dahulu menggunakan getah sebagai minyak kereta, mungkin dengan penyelidikan kita boleh sekurang-kurangnya mengutarakan kemungkinan getah sebagai satu lagi punca energy bagi dunia ini.

Sebagaimana Tuan Pengerusi sedia maklum negara kita ini sekarang sedang mengalami masalah energy, macam-macam punca energy cuba hendak diperolehi ada yang cuba hendak mendapatkan energy daripada matahari dan sebagainya. Rasa saya apa salahnya pula kita meminta bahagian penyelidikan kita mencari jalan kalau boleh menggunakan getah itu sebagai satu sumber energy sebagaimana minyak dan juga punca-punca yang lain.

Saya dapat tahu samada benar atau tidak punca ini bahawa Amerika Syarikat sedang

membuat experiment untuk mencari alternative source of energy daripada getah dan mungkin kita boleh mengadakan hubungan dengan Amerika Syarikat dalam lapangan getah sebagai alternative form of energy. Tetapi dalam hal ini, saya suka menyatakan bahawa kita harus mempunyai keyakinan kepada getah, kita jangan khuatir, jangan takut dengan getah tiruan. Insya Allah getah tiruan tidak akan dapat mengalah, mengatasi atau memusnahkan sama sekali getah asli kita. Saya merupakan seorang yang mempunyai keyakinan penuh kepada masa depan yang cemerlang di atas getah asli kita dan memang wajar dan kena pada tempatnya Kementerian Perusahaan Utama ini memberi penekanan yang begitu hebat kepada penanaman semula getah dan saya harap usaha-usaha yang baik ini akan terus dilipatgandakan dan keyakinan kita kepada getah janganlah kurang dan terus maju bagi menanam semula dan membanyakkan lagi pengeluaran getah di negara ini.

Akhir sekali, izinkanlah saya sebagai penutup mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah memberi khidmat yang begitu cemerlang kepada negara.

5.33 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh muka 131, Kepala B. 23, Butiran 1100, Aktiviti (1).

Tuan Pengerusi, dalam ulasan yang diberi oleh Timbalan Menteri ada diterangkan butir-butir, angka-angka keluaran bijih dan sebagainya dan saya percaya segala angka-angka yang disebutkan oleh beliau adalah atas kerja yang telah dibuat oleh Bahagian Pentadbiran Awam, disampaikan, dilonggok, dikaji, diberikan kepada pihak-pihak dan bahagian-bahagian yang berkenaan maka dapatlah diketahui angka-angka itu. Samada angka ini benar atau tidak barangkali tidak timbul soalan ini, tetapi saya suka membawa pandangan pihak yang berkenaan mengenai lapuran di dalam Economic Report di bawah

tajuk "Tin Output 1977/78" yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan dan saya juga menganggap bahawa angka-angka yang disebutkan oleh Menteri Kewangan adalah angka-angka yang telah disediakan atau yang telah diberikan oleh Pentadbiran Awam dan angka-angka itu juga adalah dianggap oleh saya benar. Tetapi apa yang saya suka bawa kepada perhatian Kementerian yang berkenaan ataupun kepada perhatian Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri sendiri, di dalam angka yang disampaikan di dalam Economic Report itu ada disebutkan laporan mengenai dengan aktiviti Pemas Mining di Melaka; keluarannya 100 pikul sebulan, pekerjaanya 52 orang dan 30% daripadanya bumiputra.

Saya sangat dukacita menyentuh perkara ini kerana di dalam laporan itu tertinggal sama sekali berkenaan dengan aktiviti yang dibuat oleh Langat Tin Berhad. Langat Tin Berhad ini adalah satu kawasan perlombongan yang diusahakan bersama oleh PKNS dan Kerajaan Negeri Selangor di dalam satu kawasan 2,000 ekar. Operationnya dimulakan dalam tahun 1976. Ia mempunyai satu dredge dan juga satu palong. Dredge yang dipunyai oleh Langat Tin ini adalah dredge yang terbesar sekali. Ada dua dredge yang sama besarnya iaitu dipunyai oleh Conzinz Riotinto dan Selangor Dredging tetapi yang lagi satu ialah dipunyai oleh Timah Langat Berhad. Keluarannya yang dikeluarkan oleh dredge itu ialah 700 pikul sebulan. Yang dikeluarkan oleh palong adalah 100 pikul tiap-tiap sebulan. Pekerja-pekerjanya 300 orang. 80% daripada bumiputra. Kalau angka yang disediakan oleh Pentadbiran Awam yang dilengkapannya kepada Yang Berhormat Menteri mengatakan keluaran setahun demi setahun sekian, adakah angka ini benar? Jika di dalam Economic Report ini tertinggal satu aktiviti yang mustahak, saya percaya angka itu tidaklah 100% benar.

Saya bawakan pandangan ini oleh kerana dengan adanya peruntukan-peruntukan untuk Bahagian Pentadbiran menjalankan kerjanya dengan baik dan memberi angka-angka yang

benar, gambaran yang benar, maka hendaklah pada masa-masa hadapan jangan dilupakan, terutamanya perusahaan bijih timah di Langat Tin, kerana ini adalah satu perusahaan bijih di Negeri Selangor yang terbesar.

Yang kedua, saya hendak bawa satu perkara di muka 139, Kepala P. 23, Butiran 3. Ini adalah berkenaan dengan usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian di dalam bidang nenas. Yang Berhormat Menteri kita telah mengorbankan masa dan tenaganya pergi melawat di beberapa negeri untuk mendapatkan pasaran nenas kita, selain daripada bahan-bahan yang lain. Saya kadang-kadang kasihan menengok Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri terpaksa berlejang dengan anak-anak isteri, kadang-kadang hingga tidak sempat sembahyang, tidak sempat puasa kerana melawat negara-negara luar, susah hendak mendapat makanan kita, terpaksa makanan Eropah dan sebagainya, mengorbankan diri dia untuk kepentingan negara. Pasaran-pasaran daripada luar negeri diperolehi untuk pengeluaran nenas menjualnya ke pasaran Timur Tengah, Eropah dan sebagainya. Peluang-peluang ini adalah kesemuanya dibolot oleh pengusaha-pengusaha nenas kerana merekalah menjadi producer dan merekalah juga menjadi eksporternya. Kalau adapun syarikat-syarikat tempatan, terutamanya Bumiputra yang dengan sendiri perbelanjaan dibiayai oleh mereka atau Kerajaan atau Kementerian, melawat ke Negara Timur Tengah, Eropah dan menerima order-order untuk membekalkan beribu-ribu dozen tinned pineapple, tetapi kerana dengan satu cara sekarang maka tidak dapat orang ini, dengan sendiri, membekalkan tinned pineapple kepada pasaran-pasaran di luar negeri kerana kononnya tiap-tiap eksporter hendaklah menjadi ahli kepada satu persatuan, kalau tidak silap, namanya "Pineapple Export Association".

Saya diberitahu bahawa ini bukan cara undang-undang. Ini adalah peraturan sahaja.

Tidaklah boleh Yang Berhormat Menteri campurtangan supaya dapat peluang-peluang mengeksport dan menjual tinned pineapple kita, bukan hanya menjadi rezki pengusaha-pengusaha nenas sahaja, tetapi juga dapat tumpahannya kepada syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga tempatan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, di bawah tajuk Pentadbiran Awam tadi, saya lupa menyampaikan satu ucapan tahniah saya kepada usaha yang dibuat oleh Bahagian Pentadbiran iaitu menyusun Pegawai-pegawai RISDA menjalankan tugas mereka di luar bandar. Di kawasan saya Kuala Selangor, saya dapati perkhidmatan yang diberikan oleh Pegawai-pegawai RISDA ini sangatlah cemerlang, bukan sahaja baik tetapi saya katakan cemerlang. Kerana bukan sahaja mereka ini menjayakan dan menolong pekebun-pekebun kecil tetapi ada Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengambil satu langkah menganak-angkatkan beberapa kawasan di dalam kawasan pilihanraya saya di Kuala Selangor dan dengan cara menganak-angkatkan tempat-tempat ini Pegawai-pegawai RISDA juga didudukkan di kawasan-kawasan itu menjaga supaya cara-cara dan peraturan-peraturan yang dibuat oleh pekebun-pekebun kecil ini adalah cara-cara yang benar akan mendatangkan hasil yang lebih kepada usaha mereka. Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah supaya Kementerian ini lebih menambahkan usaha ini, kalaulah di dalam satu kawasan, sebagai satu exercise dibuat, dan didapati berjaya sangat, cara-cara anak angkat ini, maka hendaklah juga diperkembangkan di kawasan-kawasan kampung yang lain.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon menyokong segala peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan.

5.44 ptg.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dalam Jawatankuasa ini

yang mana saya kira tujuh orang Ahli Yang Berhormat telah berminat di atas hal ehwal Kementerian saya dan telahpun memberikan syor-syor dan teguran-teguran ke atas dasar dan pelaksanaan Kementerian saya.

Di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih atas ucapan tahniah yang diberikan kepada Kementerian saya atas kejayaan-kejayaan yang telah tercapai dalam bidang perusahaan utama di dalam Kementerian saya ini. Sukalah saya memberi jawapan sedikit-sebanyak atas teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi jikalau saya tidak begitu tepat (specific) di atas jawapan-jawapan saya, bolehlah saya beri jaminan di sini bahawa Kementerian saya akan mengambil perhatian yang berat mengenai syor-syor dan cadangan-cadangan yang begitu membina apa-apa masalah dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan perkara berkenaan dengan pasaran getah asli kita di dunia yang mana dikatakan kalau harga getah naik satu sen akan membawa faedah kepada negara kita ini sebanyak \$30 juta. Jadi, dalam tugas-tugas Kementerian saya ini tujuan pertamanya ialah untuk menstabilkan harga supaya pekebun-pekebun kecil yang mana kebanyakan daripada pekebun-pekebun kecil di negara kita ini bergantung daripada perusahaan getah. Dalam beberapa tahun yang sudah telah ada kegiatan-kegiatan untuk mencari pasaran bukan sahaja pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan negara-negara di Eropah Barat, tetapi juga negara yang mana sekarang boleh dikatakan Negara Socialist di Eropah Timur seperti Russia, Republic Rakyat China dan juga dalam negara-negara yang sedang membangun seperti di Asia Barat yang saya sendiri telahpun mengetuai 4 misyen perdagangan getah ke Negara Arab — Timur Tengah (Asia Barat) dan Negara Eropah Timur, di Negara Republic Rakyat China yang mana boleh dikatakan kejayaannya kita telah capai daripada misyen ini ialah kita telah dapat bukan sahaja

hubungan yang lebih erat dengan negara-negara pengguna, tetapi juga yang mana sekarang kebanyakan negara-negara yang mana dahulunya membeli getah Malaysia ini daripada London, Eropah dan juga daripada Singapura sekarang terus-menerus membeli getah daripada Malaysia. Ini ialah satu keuntungan bukan sahaja memberi jaminan ke atas pasaran kita tetapi akan memperkembangkan pasaran Malaysia kita ini yang mana kita boleh memperolehi harga yang stabil dan yang berpatutan.

Yang Berhormat dari Tumpat juga telah menyatakan bahawa kita mesti memberi galakan yang sepenuhnya kepada lain-lain barang utama seperti lada hitam, koko dan sebagainya. Ini memanglah dasar Kementerian saya yang mana kita dari semasa ke semasa mengkaji potensi barang utama yang lain dan kita telah pun dapati bahawa koko ialah satu tanaman bukan sahaja memberi hasil yang begitu banyak jika dibandingkan dengan getah atau kelapa sawit tetapi juga satu tanaman yang mana boleh ditanam bukan sahaja secara ladang tetapi secara kebun kecil. Begitu juga lada hitam yang mana pada masa hadapan kehendak-kehendak lada hitam akan bertambah. Jadi ini semula ialah dalam dasar Kementerian saya dan di sini sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tumpat yang memberi teguran-teguran yang begitu baik.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah bertanya berkenaan dengan tanam semula getah di Negeri Sarawak kenapa peruntukan ke Sarawak kurang kalau dibandingkan dengan peruntukan bagi Negeri Sabah. Sebenarnya kekurangan ialah hampir-hampir \$600,000. Boleh saya katakan di sini tidak menjadi dasar Kementerian saya ini untuk membezakan peruntukan-peruntukan kepada mana-mana satu negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Mukah peruntukan yang diberikan ini bagi tanaman semula di Negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada permintaan daripada pihak yang berkenaan di

Negeri Sarawak dan saya sangka permintaan peruntukan ini bergantung atas kemampuan serta keupayaan yang boleh dijalankan di Negeri Sarawak atas rancangan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua di Negeri Sarawak 150,380 ekar telah ditanam baru bagi pihak pekebun-pekebun kecil dan 35,535 ekar tanaman semula kepada kebun-kebun kecil dalam Rancangan Malaysia Kedua dan matiamat di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga ialah untuk menanam baru kebun kecil seluas 21,500 ekar dan tanam semula 22,650 ekar. Jadi dengan ini kita harap keadaan pekebun-pekebun kecil di Sarawak akan bertambah baik dan akan memberi taraf atau pendapatan tinggi kepada pekebun-pekebun kecil getah di Negeri Sarawak.

Berkenaan dengan perkara penyiasatan kaji bumi di Negeri Sarawak, boleh saya jelaskan di sini buat masa ini pihak Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi sedang mengadakan penyiasatan di kawasan Pergunungan Hose untuk sumber-sumber tembaga, zinc dan lead dan di kawasan Bau usaha pula sedang diadakan untuk mengesan antimony dan emas. Berkenaan dengan sumber air bawah tanah pula satu projek khas sedang dijalankan dengan dibantu oleh pakar-pakar daripada Negeri Jerman Barat. Dan bagi sumber arang batu projek mencarigali besar-besaran telah dijalankan dalam tempoh dua tahun yang lepas dan buat masa ini sebuah syarikat sedang berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengadakan kerja-kerja lanjut. Dan juga beberapa tahun yang lalu beberapa kajian telah dijalankan bagi mengesan selut (clay) dan juga sumber batu-batan yang sesuai untuk pembinaan jalan dan juga perusahaan pembinaan. Jadi boleh dikatakan urusan bagi mencarigali logam di Negeri Sarawak ini sedang dijalan dan akan dijalankan dengan lebih giat lagi sebab kita percaya di Negeri Sarawak dan juga Negeri Sabah ada potensi yang begitu menggalakkan berkenaan dengan logam di negeri itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah menyentuh percanggahan mengenai orang yang membeli getah cecair dan getah kering di antara pelesen-pelesen yang dilesenkan oleh Lembaga Pemasaran dan Perlesenan Getah Malaysia dan juga agen-agen atau wakil-wakil bagi pihak MARDEC. Sukalah saya menjelaskan di sini Kementerian Perusahaan Utama telah mengadakan satu dasar yang mana di dalam lingkungan 30 batu daripada kilang MARDEC keutamaan diberi kepada MARDEC menjalankan kegiatan-kegiatan membeli khususnya getah cecair dengan pekebun-pekebun kecil sebab MARDEC ialah satu badan yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk meninggikan mutu getah yang dikeluarkan oleh pekebun kecil dan oleh kerana kegiatan-kegiatan MARDEC ini akan mendatangkan faedah yang besar kepada pekebun kecil ini. Jadi telah menjadi dasar Kerajaan ini yang mana kita mesti memberi peluang kepada MARDEC untuk menjalankan kilang-kilang SMR itu dengan sebaik-baiknya. Walau bagaimanapun, badan yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen membeli jual getah ialah Lembaga Perlesenan Getah atau MRELB yang mana kalau dalam satu kawasan dalam lingkungan 3 batu kawasan itu kalau tidak ada lesen yang sedia ada boleh diberi pertimbangan atas apa-apa permohonan yang dibuat oleh sesiapa-pun yang ingin menjalankan perniagaan getah di kawasan itu. Jadi kita harap dengan itu percanggahan di antara satu kawasan dengan yang lain yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput itu tidak timbul lagi.

Berkenaan dengan kawasan Rezab Melayu mengenai perusahaan perlombongan dan putar-belit orang-orang tengah serta mengakibatkan kehilangan hasil tanah orang Melayu, sukalah saya nyatakan di sini bahawa sungguhpun dasar perlombongan adalah tanggungjawab Kementerian saya tetapi kuasa memberi lesen untuk mencarigali, untuk melombong adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri. Jadi, Yang Berhormat dari Matang ada bertanya mengenai dengan apa cadangan atau apa rancangan ada disediakan oleh Ke-

menterian berkenaan dengan Rezab Melayu yang mana kita telah dapati tempat itu ada potensi timah atau ada timbunan-timbunan timah yang baik ini kita pun sudah dapat keputusan itu, kita serah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengeluarkan lesen kepada siapa yang mempunyai tanah itu atau kepada siapa yang ada kelayakan untuk menjalankan melombong tanah itu. Oleh yang demikian, sukalah saya kata di sini sebab lesen-lesen ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri, jadi segala tuntutan boleh dibuat kepada Kerajaan Negeri dan sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput boleh memberi butir-butir berkenaan dengan perjanjian palsu yang dikatakan tadi, saya boleh mengarahkan Jabatan Galian menyiasat dan mengambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan perkara berkenaan dengan bantuan tanam semula yang sekarang ini hanya \$900.00 satu ekar dan sepatutnya dinaikkan kepada \$1,500.00 seekar. Saya sukalah menjelaskan di sini iaitu pada menjawab atas perbincangan dasar pada minggu yang lalu saya pun telah menyatakan bahawa Kementerian saya ini sedar yang bantuan tanam semula ini tidak mencukupi sebab kos menanam dan sebagainya pun telah naik dan Kementerian saya pun telah membuat satu kajian. Masalahnya ialah peruntukan sebanyak \$900.00 itu ada dua bahagian. \$600.00 itu dibayar daripada cess, 4½ sen satu pound, dan \$300.00 lagi dibayar oleh Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi kajian ini akan disiasat daripada kedua-dua pihak dan satu keputusan belum dapat dicapai lagi. Tetapi Kementerian saya telahpun membuat cadangan kepada kerajaan khususnya EPU di Jabatan Perdana Menteri supaya bantuan bagi tanaman semula ini dinaikkan. Tetapi sampai kadar mana tidak dapat saya menjawabnya pada masa ini tetapi satu keputusan akan dibuat tidak lama lagi.

Berkenaan dengan masalah yang mana kebun kecil khususnya kebun kecil yang ada mempunyai tiga sampai lima ekar yang mana

pemiliknya telah meninggal dan waris-warisnya belum menjadi pemilik yang sah, dengan sebab itu tidak dapat memasukki Rancangan Tanam Semula yang mana dalam kawasan Larut-Matang ini seperti yang disebutkan tadi ada lebih kurang 15,000 ekar yang terlibat. Sukalah saya menyatakan di sini seorang daripada waris boleh membuat permohonan-permohonan dengan mengisi dan menandatangani borang permohonan yang tertentu. Pemohon dinasihatkan memohon 'bicarakuasa harta pusaka' dan memajukan surat akuan penerimaan atau resit bayaran daripada Pejabat Tanah ke pejabat RISDA.

Lagi satu cara ialah waris-waris yang membuat persetujuan melantik seorang daripada mereka sebagai pemohon dan membuat surat pelepasan tuntutan (Deeds of Indemnity) kepada RISDA.

Kemudahan-kemudahan satu dan dua boleh dibuat, sementara menunggu perbincangan kuasa dan pengesahan hakmilik oleh Pejabat Tanah yang berkenaan. Ini ialah satu peraturan baru yang akan dibuat oleh RISDA yang mana Kementerian saya pun telah sedar bahawa salah satu sebab yang mana pemilik-pemilik tanah pekebun kecil ini tidak dapat menikmati Rancangan Tanaman Semula ialah kerana masaalah-masaalah yang disebutkan tadi itu. Ini adalah satu peraturan yang dibuat oleh RISDA yang mana kita boleh mengatasi masaalah yang disebutkan tadi.

Berkenaan dengan kekotoran-kekotoran alam sekitar yang diakibatkan oleh kilang kelapa sawit dan kilang getah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang tadi, bolehlah saya menyatakan di sini iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar baru-baru ini telah mengisytiharkan peraturan-peraturan mengenai kekotoran alam sekitar. Dan tidak lama lagi satu peraturan-peraturan baru mengenai kekotoran itu yang diakibatkan oleh kilang getah akan dibuat. Dengan ini saya harap kita dapat mengawal pencemaran alam yang datang daripada kilang getah dan kilang kelapa sawit.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah mendesak supaya penubuhan Instituti Penyelidikan Kelapa Sawit dan Pusat Pemasaran Kelapa Sawit (Oil Palm Exchange) dipercepatkan. Memang inilah tujuan kami di Kementerian Perusahaan Utama sebab kita mengetahui bahawa pada tahun 1980 pengeluaran minyak kelapa sawit daripada Malaysia akan meningkat ke dua million tan. Dan ini ialah 65% daripada perbekalan minyak kelapa sawit sedunia. Jadi masaalahnya ialah kita hendak cari cara untuk memperbaiki pemrosesan yang mana minyak kelapa sawit yang ditapis (refined) dapat dikeluarkan dan juga dari segi penggunaan (consumption) kita mesti mengadakan penyelidikan supaya minyak kelapa sawit boleh digunakan bukan sahaja dalam kegunaan tradisional seperti membuat margerine dan sabun tetapi saya harap di dalam lain-lain kegunaan akan bertambah dari setahun ke setahun.

Tadi Yang Berhormat dari Maran menyatakan Kementerian ini mencari pasaran bagi barang pembuatan ataupun perusahaan tradisional seperti batik. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa batik dan barang-barang pembuatan ialah dalam jagaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, bukan Kementerian saya. Walau bagaimanapun, bolehlah kita memanjangkan cadangan ini kepada Kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Sepang telah menyentuh berkenaan lobang-lobang lombong yang ditinggalkan oleh perlombongan dan regeneration tanah yang telah di lombong. Saya bersejua dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Keadaan ini ialah satu "eye-sore". Tetapi lagi sekali suka saya menegaskan bahawa hal ini dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pengeluaran lesen melombong dan sebagainya ialah dalam kuasa negeri dan semua negeri adalah mempunyai satu dasar untuk menimbus balik dan meratakan tanah yang telah dilombong. Misalnya di Negeri Perak, Kerajaan Negeri memerlukan lobang-lobang perlombongan yang termasuk dalam sempadan Majlis Tempatan sahaja ditimbus.

Tetapi di Negeri Selangor semua pekerja galian dikenakan syarat mesti menimbus dan merata di mana-mana tempat. Dan syarat itu diikuti dengan satu bon dan sekiranya perlombongan ini tidak mematuhi syarat-syarat itu bon tersebut akan dirampas oleh Kerajaan.

Di sini kita boleh nampak ada perbezaan di antara peraturan-peraturan daripada satu negeri ke satu negeri. Oleh yang demikian, Kementerian saya telah mencadangkan satu Kanun Melombongan Kebangsaan (National Mining Code) yang baru yang mana kanun yang dicadangkan ini bukan sahaja akan membawa keharmonian di antara beberapa enekmen-enekmen dan peraturan-peraturan melombongan bahkan juga akan membolehkan Kerajaan Pusat menganjurkan satu Dasar Melombongan Kebangsaan. Jadi kita harap dengan adanya Kanun Melombongan Kebangsaan ini kita boleh meseragamkan semula peraturan-peraturan mengenai perkara-perkara seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah menyentuh kawasan pembalakan Endau-Rompin. Beliau mengharapkan supaya peristiwa Endau-Rompin ini tidak akan berlaku lagi.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian saya telah beberapa kali memberi pandangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebab seperti galian, perhutanan juga dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kita cuma menselaraskan dasar-dasar supaya ini sebagai satu warisan yang begitu baik di negara kita ini tidak dapat dieksploitasikan dengan mengakibatkan kehilangan khazanah ini. Seperti saya katakan tadi kuasa mengeluarkan lesen membalak termasuk juga lesen menjalankan kilang papan itu tertakluk kepada Kerajaan Negeri. Kementerian saya melalui Majlis Perhutanan Negara telah membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan juga Kerajaan Negeri Johor supaya pembalakan yang dijalankan di kawasan Endau-Rompin ini tidak mengakibatkan ke-

hilangan kekayaan yang disebutkan tadi, dan baru-baru ini saya merasa gembira atas pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang mana lesen-lesen membalak di kawasan ini pun telah diberhentikan dan diharap peristiwa ini tidak akan berlaku lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah menyentuh berkenaan dengan latihan yang dijalankan, saya ingat perkara latihan ini termasuk dalam Rancangan Pembangunan Masyarakat RISDA yang mana latihan diberi kepada pekebun kecil, tetapi maksud rancangan PMR (Pembangunan Masyarakat RISDA) ini ialah hendak bahagian dengan cergas dalam proses pembangunan, total involvement dalam pembangunan dan ini telah mendatangkan kejayaan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi. RISDA telah membuat di beberapa tempat rancangan angkat yang mana satu kawasan dapat dijalankan semula rancangan tanam semula dan latihan-latihan diberi mengikut konsep PMR ini.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah membuat cadangan bahawa kita mesti membuat penyelidikan supaya getah asli boleh digunakan sebagai satu sumber bagi energy atau punca energy. Pada masa Jepun kita tahu orang menggunakan getah itu untuk membuat minyak kereta. Saya ingat getah asli ada hydrocarbon dan sebenarnya getah tiruan dibuat daripada petroleum. Ini reverse process, orang membuat getah tiruan daripada petroleum, getah asli boleh diproseskan menjadi petroleum — “reversible process”. Tetapi kalau kita menggunakan getah asli sebagai minyak petroleum, saya ingat barangkali harga minyak petroleum ini akan jadi 10 kali ganda daripada harga sekarang. Inilah masalahnya. Sebenarnya Amerika Syarikat dalam Perang Dunia Kedua yang mana pembekalan getah asli daripada Asia Tenggara ini telah dipotong sebab Jepun telah berada di Negara Asia Tenggara, Amerika Syarikat menggunakan teknologi getah asli ini sebab getah asli ada hydrocarbon serupa dengan

hydrocarbon yang ada pada petroleum. Dengan ini getah tiruan dapat dilahirkan, jadi boleh dikatakan Amerika Syarikat belajar daripada Malaysia mengenai teknologi getah asli itu untuk membuat getah tiruan. Kalau kita hendak pulang balik atau reverse proses itu saya ingat barangkali harganya tinggi sangat.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh perkara berkenaan dengan anggaran pengeluaran yang saya sebutkan tadi, barangkali tidak masuk pengeluaran daripada Langat Timah Berhad. Anggaran yang saya gunakan tadi ialah anggaran berkenaan dengan pengeluaran timah di seluruh negara, termasuklah syarikat-syarikat seperti Langat Timah Berhad. Maksud Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu ialah untuk menarik perhatian orang kepada syarikat-syarikat seperti Langat Timah Berhad dan juga syarikat-syarikat lain yang mana penyertaan bumiputra dalam perusahaan timah ini telah bertambah dan ini ialah satu tanda atau satu amalan yang kita mengalu-alukan sebab ini ialah mengikut dasar yang mana kita menggalakkan kaum bumiputra mengambil penyertaan yang lebih giat lagi dalam perusahaan timah.

Berkenaan dengan masalah mengeksport nenas dalam tin (canned pineapples) kepada pasaran di Timur Tengah atau Asia Barat ini sukalah saya nyatakan di sini sesiapa yang hendak mengeksport canned pineapple ini mesti mengadakan satu lesen daripada Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia dan Lembaga itu mendesak orang itu menjadi Ahli Persatuan Pengekspot Nenas (Pineapple Exporters Association) dan dalam eksport kepada pasaran yang mana persaingan hebat seperti di United Kingdom, Jerman Barat dan juga Jepun, Lembaga ini adalah satu Badan Pemasaran Pusat (Central Sales Organisation). Tujuan Central Sales Organisation ini ialah mengelakkan undercutting di antara satu pengeksport dengan satu yang lain dan kalau hendak mengeksport canned pineapple ini kepada negara lain daripada United King-

dom, Jerman Barat dan Jepun ini tidak terhad, tidak payah mengikuti atau melalui Central Sales Organisation itu cuma hendak minta lesen daripada Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia dan dengan ini boleh mengeksport nenas tin kepada pasaran seperti di Asia Barat ini.

Tuan Pengerusi, setakat ini sahajalah saya hendak memberi jawapan atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan dengan ini lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan lagi sekali saya minta permohonan ini diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$21,257,100 untuk Kepala B. 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$66,100,535 untuk Kepala P. 25 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Kepala B. 24 (Jadual) —

Kepala P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1978)

6.24 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Pertanian bagi tahun 1978 berjumlah \$552,818,415 seperti berikut:

Kepala B. 24 Belanja Mengurus Kementerian Pertanian sebanyak \$171,767,200;

Kepala P. 24 Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Pertanian sebanyak \$381,051,215.

Tuan Pengerusi, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kemajuan yang pesat dalam sektor pertanian adalah amat penting bagi mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Kepentingan ini telahpun

diberi tekanan sekali lagi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya bagi tahun 1978 tempoh hari. Dalam perkara ini Kementerian Pertanian memainkan peranan yang penting dari segi usaha-usaha yang dilaksanakan olehnya bagi tempoh ini yang berpandukan kepada matlamat-matlamat dasar untuk:

- (1) memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan meninggikan pendapatan petani dan nelayan; dan
- (2) mengeluarkan seberapa yang boleh bahan-bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara dan eksport.

Bagi menentukan pencapaian matlamat dasar bagi memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan meninggikan pendapatan petani dan nelayan tumpuan adalah diberi oleh Kementerian saya kepada strategi-strategi serta program-program yang dapat menentukan faedah secara cepat dan langsung kepada pihak penerima yang berkenaan. Ini bermakna keutamaan diberi kepada program-program bercorak subsidi dan kredit kepada pihak petani dan nelayan yang bertujuan memberi mereka kemudahan-kemudahan input dan kewangan bagi memula serta menjalankan usaha-usaha pertanian yang dapat membolehkan mereka menikmati pendapatan serta taraf sosio-ekonomi yang lebih berpatutan.

Dari segi pengeluaran pula strategi-strategi serta program-program yang dirancang serta dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian adalah berpandukan kepada keperluan menentukan bahan-bahan pertanian makanan yang dapat dikeluarkan di negara ini setakat yang boleh untuk mengurangkan pergantungan negara kita kepada bahan-bahan yang diimport serta juga mengurangkan kehilangan pertukaran wang asing yang berkaitan. Dalam perkara ini tindakan-tindakan yang diamalkan termasuk usaha-usaha mempelbagaikan tanaman serta memperbaiki penyelidikan dan pemindahan teknologi pertanian bagi menentukan usaha-usaha tanaman, ternakan dan perikanan dapat ditambah serta ditinggikan

mutu pengeluarannya. Usaha-usaha pengeluaran seperti ini juga menentukan hasil yang lebih banyak dan lebih baik bagi petani dan nelayan dan dengan itu menambahkan juga pendapatan mereka. Inilah perkara-perkara yang menjadi asas serta panduan kepada program-program pembangunan serta aktiviti-aktiviti semua Jabatan serta agensi di dalam Kementerian Pertanian bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga amnya dan bagi tahun 1978 khususnya.

Dalam tahun 1978 Jabatan Pertanian selaras dengan matlamat-matlamat dasar Kementerian Pertanian akan memberi keutamaan kepada program subsidi tanaman serta pengeluaran tanaman makanan (food crops), tanaman makanan ternakan (feed crops) dan juga lain-lain tanaman yang mempunyai keupayaan menjadi tanaman penting negara ini. Usaha-usaha ke arah matlamat tersebut akan dilaksanakan melalui beberapa program dan aktiviti Jabatan ini yang dari setahun ke setahun diperluaskan. Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$78,003,900 iaitu terdiri daripada \$18,239,600 Belanja Mengurus dan \$59,764,300 Belanja Pembangunan.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri akan ke seberang laut pada minggu hadapan atas urusan negara yang mustahak. Jadi selepas daripada Dewan membicarakan dan memutuskan peruntukan bagi Kementerian Pertanian saya hendak menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengemukakan peruntukan bagi Kementeriannya samada lewat petang esok ataupun awal petang hari Jumaat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 1hb. Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.